



LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT



LAPORAN TAHUNAN

KANDUNGAN

Laporan Tahunan 2020

3 **Visi dan Misi**

5 **Suruhanjaya**



- 6 Perutusan Pengerusi
- 10 Anggota Suruhanjaya
- 14 Matlamat Dasar Kebangsaan Bagi Industri Perkhidmatan Air
- 16 Peranan Suruhanjaya
- 17 Fungsi Suruhanjaya
- 19 Jawatankuasa-Jawatankuasa Suruhanjaya
- 20 Mesyuarat Suruhanjaya

30 **Pengurusan Kanan**



- 31 Struktur Organisasi
- 32 Carta Organisasi
- 34 Fungsi Jabatan-Jabatan dan Perkhidmatan Sokongan di Bawah SPAN

39 **Laporan Suruhanjaya**



75 **Diari Korporat**



93 **Penyata Kewangan**



- 94 Sijil Ketua Audit Negara
- 97 Penyata Anggota Suruhanjaya
- 98 Perakuan oleh Pegawai Utama
- 99 Penyata Kedudukan Kewangan
- 100 Penyata Prestasi Kewangan
- 101 Penyata Perubahan Aset Bersih
- 102 Penyata Aliran Tunai
- 103 Penyata Prestasi Kewangan (Bajet)
- 104 Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

122 **Pejabat SPAN**



Visi dan Misi



VISI

Ke arah perkhidmatan air yang mapan, berdaya harap dan termampu untuk semua.

MISI

Untuk mengawal selia industri perkhidmatan air melalui pelaksanaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dengan adil, berkesan dan telus.





SURUHANJAYA



- 6 Perutusan Pengerusi
- 10 Anggota Suruhanjaya
- 14 Matlamat Dasar Kebangsaan Bagi Industri Perkhidmatan Air
- 16 Peranan Suruhanjaya
- 17 Fungsi Suruhanjaya
- 19 Jawatankuasa-Jawatankuasa Suruhanjaya
- 20 Mesyuarat Suruhanjaya

Perutusan Pengerusi

Saya berbesar hati kerana diberi peluang untuk membentangkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) tahun 2020 bagi pihak Anggota Suruhanjaya.

Secara amnya, pencapaian akses kepada perkhidmatan bekalan air dan pembetulan yang selamat dan mapan untuk semua, masih tetap menjadi keutamaan bagi kami di SPAN.

Reformasi Dasar Air yang telah diperkenalkan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sejak 2008 bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi operasi dan kewangan operator air.

“

Konsep reformasi yang diperkenalkan adalah berdasarkan model aset-ringan, di mana, operator air hanya memfokuskan pada penyediaan perkhidmatan kepada rakyat tanpa harus dibebani oleh masalah dana. Sehingga 31 Disember 2020, 10 buah negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Selangor, Pahang, Kedah dan Perlis telah memuktamadkan penstrukturan semula dengan mengamalkan model aset-ringan manakala 11 buah negeri telah berhijrah ke rejim pelesenan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

”



Bagi negeri-negeri yang belum berbuat demikian, SPAN sedang bekerjasama rapat dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bagi memungkinkan aktiviti penstrukturan semula dapat dilaksanakan dalam waktu terdekat. Melalui penstrukturan semula ini, setiap negeri akan dikawal selia secara berpusat dan seragam oleh SPAN bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang memuaskan serta mampu melindungi kepentingan pengguna.

Pada 2020, sejumlah 80.8% bekalan sumber air mentah adalah datangnyanya dari sungai, 17.9% daripada empangan dan baki 1.3% adalah dari sumber air bawah tanah. Jumlah keseluruhan pengekstrakan sumber air dari pelbagai sumber tersebut adalah direkodkan pada kadar purata 16,166 juta liter sehari (JLH). Apabila kita menyentuh berkenaan sumber sudah pastilah ianya hadir bersama cabaran pengurusannya dan antara isu yang sering diperkatakan adalah pencemaran sungai. Melihat ianya sebagai ancaman terhadap aspek pelestarian bekalan air bersih, SPAN telah mengambil langkah proaktif antaranya dengan menetapkan Pelan Keselamatan Air (WSP). Pelan ini bertujuan mengurangkan risiko pencemaran dari sumber ke pili air dan ia telah dijadikan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) operator air.



Selain itu, pindaan Akta 655 telah dibuat bagi mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap kesalahan membabitkan aspek pencemaran. SPAN juga telah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi penguatkuasaan yang berkaitan bertujuan mewujudkan integrasi pada aktiviti rondaan dan penguatkuasaan. Sebagai langkah jangka panjang bagi melindungi sumber air mentah, SPAN turut mencadangkan pewartaan kawasan yang terletak di hulu muka sawk.

Tugas memastikan sumber air dalam keadaan selamat bagi menjamin kualiti air dan bekalan air yang berterusan terletak di bahu setiap dari kita, warga Malaysia.

Dari masa ke masa, permintaan terhadap bekalan air bersih di Malaysia adalah semakin meningkat berikutan pembangunan yang pesat dan peningkatan populasi. SPAN telah mengambil pelbagai inisiatif dengan berfokus pada pengurusan permintaan air – memastikan caj perkhidmatan bekalan air berada pada harga mampu, pembaziran diminimumkan, dan sistem agihan bekalan dikendalikan secara efektif dan efisien.

Sehingga 2020, terdapat sejumlah 330 buah loji rawatan air (LRA) di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan dengan jumlah isipadu air yang dibekalkan ke dalam sistem berjumlah 15,026 JLH air terawat, dan diagih melalui paip air sepanjang 134,863 kilometer. Terdapat lebih daripada 7.68 juta sambungan dengan jumlah penggunaan harian sebanyak 9,944 JLH bersamaan purata 96.9% liputan penduduk.

Kadar Air Tidak Terhasil (NRW) yang tinggi yang dihadapi oleh operator air, masih kekal menjadi tumpuan SPAN. Penyumbang utama kepada kadar NRW yang tinggi adalah kehilangan fizikal akibat daripada masalah sistem perpaipan seperti kebocoran, pecah, kerosakan pada paip dan kelengkapan yang rosak, yang merangkumi 70% hingga 75% daripada jumlah kadar NRW. Faktor lain adalah kehilangan komersial yang disebabkan oleh penggunaan sah yang tidak dibilkan seperti sambungan kepada kemudahan awam, dan penggunaan secara tidak sah seperti sambungan tanpa kebenaran dan kecurian air. Pada 2020, Kadar NRW bagi Semenanjung Malaysia dan WP Labuan meningkat dari 33.2% pada 2019 kepada 33.8%. Peningkatan kadar NRW terutamanya disebabkan oleh kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kemajuan kerja-kerja di tapak untuk program NRW seperti kawalan kebocoran aktif, pengurusan tekanan, penggantian meter dan penggantian paip terjejas dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, SPAN memantau secara rapi kemajuan program dengan menjalankan audit industri dan mengadakan mesyuarat berkala dengan operator air.

Satu lagi cabang perkhidmatan air adalah perkhidmatan pembedungan. Pada 2020, terdapat 7,203 sistem rawatan kumbahan awam dan 4,307 sistem rawatan kumbahan persendirian yang memberi perkhidmatan kepada hampir 32.3 juta penduduk setara (PE). Terdapat 1,312 stesen pam rangkaian, 102 loji rawatan kumbahan serantau dengan rangkaian sistem pembedungan sepanjang 21,216 kilometer. Aset pembedungan ini akan terus meningkat setiap tahun apabila pemaju membina lebih banyak sistem pembedungan untuk memenuhi kehendak pembangunannya.



Dari 2011 hingga 2020, jumlah Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan (KWSMP) yang dikutip adalah sebanyak RM2.83 bilion. Dana tersebut, yang ditubuhkan di bawah Seksyen 172 Akta 655, akan mendorong pemaju untuk membuat sambungan kepada sistem pembedungan sedia ada dengan membuat sumbangan kepada KWSMP, dan ini boleh mengelakkan daripada pembinaan loji rawatan kumbahan yang baharu. Dari tahun 2012 hingga 2020, 42 projek fizikal bernilai RM802.9 juta telah diluluskan oleh SPAN untuk menaik taraf sistem pembedungan awam sedia ada.



Demi memastikan kehendak industri perkhidmatan air dipenuhi dan bagi membolehkan SPAN mengawal selia industri ini dengan lebih berkesan, SPAN telah membuat pindaan-pindaan ke atas Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 [Akta 654], Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655] dan enam (6) perundangan subsidiari serta telah menggubal empat (4) perundangan subsidiari baharu. Daripada jumlah tersebut, dua (2) perundangan subsidiari telah diwartakan pada 2020.

Aktiviti penguatkuasaan pada 2020 telah menunjukkan peningkatan yang ketara susulan daripada usaha yang dilakukan oleh SPAN dalam menguatkuasakan peruntukan di bawah Akta 655 serta kerjasama daripada operator-operator dalam melaporkan kes melalui unit penguatkuasaan khas. Sejak Akta 655 dikuatkuasakan pada Januari 2008, sebanyak 924 kes dilaporkan kepada SPAN, daripada jumlah kes tersebut, 155 kes dilaporkan pada 2020 meliputi pelbagai aspek kesalahan. Kesalahan yang dilakukan oleh orang awam kebanyakannya adalah sambungan bekalan air yang tidak sah (seksyen 123), pemotongan bekalan air (Seksyen 89(9)), kehendak Lesen Kelas (Seksyen 20), pembinaan sistem pembetungan (Seksyen 45) dan efluen terlarang dilepaskan ke dalam pembetung awam (Seksyen 61).

Dengan itu, saya berharap laporan tahunan ini dapat memberikan gambaran keseluruhan mengenai pencapaian dan usaha berterusan SPAN dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. SPAN juga akan meletakkan pelan komunikasi yang sejajar untuk tahun yang mendatang bagi meningkatkan kesedaran awam tentang peranan dan tanggungjawab masyarakat dalam memastikan kelestarian perkhidmatan air di negara kita.

Sekian, terima kasih.



YB Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli



Aktiviti penguatkuasaan pada 2020 telah menunjukkan peningkatan yang ketara susulan daripada usaha yang dilakukan oleh SPAN

Anggota Suruhanjaya

Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) telah berkuat kuasa pada 1 Februari 2007. Anggota-anggota Suruhanjaya dilantik oleh Menteri Alam Sekitar dan Air.

Di bawah peruntukan Akta sedia ada, Anggota Suruhanjaya terdiri daripada Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak kurang daripada lapan (8) tetapi tidak lebih daripada 10 orang lain.

Anggota-anggota Suruhanjaya ini masing-masing telah berkhidmat dengan cemerlang dalam sektor korporat, kerajaan dan organisasi bukan kerajaan, dan telah diberi pengiktirafan kecemerlangan dalam bidang yang diceburi, dengan ini, mereka dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya.



Charles Santiago
Pengerusi
(1 November 2018
hingga 10 April 2020)



**Haji Wan Hassan bin
Mohd Ramli**
Pengerusi
(mulai 17 April 2020)



**Dato' Haji Ahmad
Faizal bin Abdul
Rahman**
Ketua Pegawai Eksekutif
(mulai 29 Mei 2019)



**Hajah Azizah binti
Ariffin**
Anggota
(1 Disember 2018 hingga
10 April 2020; dilantik
semula pada 22 April
2020)



Ir. Yap Sin Chong
Anggota
(1 Disember 2019 hingga
10 April 2020; dilantik semula
pada 22 April
2020)



**Dato' Ir. Haji Sanusi bin
Paijan**
Anggota
(1 Disember 2019 hingga
10 April 2020; dilantik
semula pada 6 Mei 2020)



**Datuk Dr. Haji Azhar bin
Ahmad**
Anggota
(mulai 6 Mei 2020)



**Datuk Mohd Razlan bin
Muhammad Rafii**
Anggota
(mulai 6 Mei 2020)



**Ir. Dr. Haji Mohamad Asari
bin Daud**
Anggota
(mulai 22 April 2020)



Saizol bin Ismail
Anggota
(mulai 22 April 2020)



Lukman Sheriff bin Alias
Anggota
(mulai 6 Mei 2020)



Mohd Shahir bin Mohd Adnan
Anggota
(mulai 22 April 2020)



Johari bin Pawanchik
Anggota
(mulai 22 April 2020)



Haji Abdul Halim bin Jantan
Anggota
(10 April 2019 hingga
10 April 2020)



Faizal Parish bin Abdullah
Anggota
(10 April 2019 hingga
10 April 2020)



**Dato' Ir. Dr. Haji Abdul
Rashid bin Maidin**
Anggota
(10 April 2019 hingga
10 April 2020)



**Steven Choong Shiau
Yoon**
Anggota
(10 April 2019 hingga
10 April 2020)



Dr. Gurdial Singh Nijar
Anggota
(10 April 2019 hingga
10 April 2020)



**Haji Sarajun Hoda bin
Haji Abdul Hassan**
Anggota
(10 April 2019 hingga
10 April 2020)



Ir. V. Subramaniam
Anggota
(10 April 2019 hingga
10 April 2020)

Matlamat Dasar Kebangsaan Bagi Industri Perkhidmatan Air

Matlamat dasar kebangsaan bagi industri perkhidmatan air adalah:

a

mewujudkan suatu struktur perkhidmatan bekalan air dan pembetulan yang telus dan bersepadu untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkesan dan cekap kepada pengguna;

b

memastikan bekalan air yang tersedia ada dan berkekalan untuk jangka masa panjang termasuk pemuliharaan air;

c

menyumbang kepada kekekalan alur air dan kawasan tadahan air;

d

memudahkan kemajuan persaingan untuk menggalakkan ekonomi dan kecekapan dalam industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan;

e

menubuhkan suatu persekitaran pengawalseliaan yang memudahkan kekekalan keupayaan kewangan antara pengendali industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan bagi jangka masa panjang;

mengawal selia untuk faedah pengguna bagi jangka masa panjang;

f

mengawal selia tarif dan memastikan penyediaan perkhidmatan yang berpatutan atas asas kesaksamaan;

g

meningkatkan kualiti hidup dan persekitaran melalui pengurusan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan yang berkesan dan cekap;

h

menubuhkan suatu sistem kebertanggungjawaban dan pengelolaan antara pengendali industri perkhidmatan bekalan air dan pembetungan; dan

i

mengawal selia keadaan selamat dan keselamatan sistem bekalan air dan sistem pembetungan.

j



Peranan Suruhanjaya

SPAN adalah sebuah badan kawal selia teknikal dan ekonomi yang berperanan untuk menyelia dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

SPAN mengawal selia kesemua entiti dalam industri bekalan air dan pembetulan termasuk operator perkhidmatan bekalan air dan pembetulan awam, operator perkhidmatan bekalan air dan pembetulan persendirian, kontraktor bekalan air dan pembetulan, pemegang permit dan kelulusan produk bagi bekalan air dan pembetulan.

SPAN mengawal selia industri perkhidmatan air berdasarkan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.



Carta 1: Entiti yang Dikawal Selia oleh SPAN

Fungsi Suruhanjaya

Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) memperuntukkan fungsi Suruhanjaya seperti yang berikut:

a

menasihati Menteri tentang segala perkara berhubung dengan objektif dasar kebangsaan bagi undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetulan dan melaksanakan dan memajukan objektif dasar kebangsaan itu;

b

melaksanakan dan **menguatkuasakan** undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetulan dan menimbang dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetulan;

c

memastikan daya pengeluaran industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan dan memantau pengendali mematuhi standard perkhidmatan yang ditetapkan, obligasi berkontrak dan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan;

d

menambah usaha bersepadu ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri itu dan secara khususnya pengurangan Air Tidak Terhasil melalui program jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang;

e

menasihati Menteri tentang mekanisme yang adil dan cekap bagi menentukan tarif yang adil kepada kedua-dua pengguna dan pemegang lesen dan melaksanakan tarif yang telah ditetapkan melalui mekanisme dan kaedah yang sesuai;

Fungsi Suruhanjaya

f

memastikan matlamat pembangunan negara berkenaan dengan liputan, pembekalan dan akses kepada perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan tercapai;

g

memastikan pengkelan kualiti air dan perkhidmatan pembetulan secara jangka panjang melalui pembangunan modal kerja yang berterusan;

h

merumuskan dan **melaksanakan** rancangan supaya semua permintaan yang munasabah bagi perkhidmatan pembetulan dipenuhi dan melalui perundingan dengan pihak berkuasa yang berkaitan, menyediakan suatu rancangan kawasan tadahan pembetulan yang merumuskan dasar dan cadangan am berkenaan dengan pembangunan apa-apa sistem pembetulan yang baharu dan langkah-langkah bagi membaiki mana-mana sistem pembetulan yang sedia ada;

i

menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan

j

menasihati Menteri secara amnya mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Suruhanjaya

Suruhanjaya telah menubuhkan **enam (6)** jawatankuasa menurut Seksyen 13 (Akta 654) untuk membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsi-fungsinya.



**Jawatankuasa Kewangan
dan Kumpulan Wang
Sumbangan Modal
Pembetulan**



**Jawatankuasa Teknikal,
Produk, Penyelidikan
dan
Pembangunan**



**Jawatankuasa
Audit**



**Jawatankuasa Pelesenan,
Penguatkuasaan
dan Perundangan**



**Jawatankuasa Pendidikan
dan Perlindungan Pengguna
(sebelum ini dikenali sebagai
Jawatankuasa Alam Sekitar,
Pendidikan dan Perlindungan
Pengguna)**



**Jawatankuasa
Perkhidmatan
dan Ganjaran**

Mesyuarat Suruhanjaya

Pada 2020, sebanyak lima (5) Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan seperti yang dinyatakan pada Jadual 1:

Mesyuarat Suruhanjaya	Tarikh	Kehadiran Anggota Suruhanjaya
1/2020	17 Februari 2020	11/12
2/2020	2 Jun 2020	12/12
3/2020	24 Julai 2020	11/12
4/2020	24 September 2020	10/12
5/2020	13 November 2020	12/12

Jadual 1: Mesyuarat Suruhanjaya sepanjang tahun 2020

Anggota Suruhanjaya	Jawatan	Kehadiran
Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (mulai 17 April 2020)	Pengerusi	4/4
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	5/5
Azizah binti Ariffin (1 Disember 2018 hingga 10 April 2020; dilantik semula pada 22 April 2020)	Anggota	4/5
Ir. Yap Sin Chong (1 Disember 2019 hingga 10 April 2020; dilantik semula pada 22 April 2020)	Anggota	5/5
Ir. Dr. Haji Mohamad Asari bin Daud (mulai 22 April 2020)	Anggota	4/4

Anggota Suruhanjaya	Jawatan	Kehadiran
Saizol bin Ismail (mulai 22 April 2020)	Anggota	4/4
Johari bin Pawanchik (mulai 22 April 2020)	Anggota	4/4
Mohd Shahir bin Mohd Adnan (mulai 22 April 2020)	Anggota	4/4
Datuk Mohd Razlan bin Muhammad Rafii (mulai 6 Mei 2020)	Anggota	3/4
Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad (mulai 6 Mei 2020)	Anggota	4/4
Dato' Ir. Haji Sanusi bin Paijan (1 Disember 2019 hingga 10 April 2020; dilantik semula pada 6 Mei 2020)	Anggota	5/5
Lukman Sheriff bin Alias (mulai 6 Mei 2020)	Anggota	3/4
Charles Santiago (hingga 10 April 2020)	Pengerusi	1/1
Steven Choong Shiau Yoon (hingga 10 April 2020)	Anggota	1/1
Dato' Ir. Dr. Haji Abdul Rashid bin Maidin (hingga 10 April 2020)	Anggota	1/1
Dr. Gurdial Singh Nijar (hingga 10 April 2020)	Anggota	0/1
Haji Abdul Halim bin Jantan (hingga 10 April 2020)	Anggota	1/1
Ir. V. Subramaniam (hingga 10 April 2020)	Anggota	1/1
Faizal Parish bin Abdullah (hingga 10 April 2020)	Anggota	1/1
Haji Sarajun Hoda bin Haji Abdul Hassan (hingga 10 April 2020)	Anggota	1/1

Jadual 2: Kehadiran Anggota Suruhanjaya ke Mesyuarat Suruhanjaya pada tahun 2020

Mesyuarat

Jawatankuasa-Jawatankuasa

Jadual berikut menunjukkan Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa sepanjang tahun 2020 dan kehadiran anggota-anggota suruhanjaya pada setiap Mesyuarat Jawatankuasa.

1. Jawatankuasa Kewangan dan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan

Sebanyak lapan (8) mesyuarat telah diadakan pada tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti yang berikut:

SEBANYAK

8 
mesyuarat

telah diadakan pada
tahun kewangan tersebut

Anggota Suruhanjaya dan Status	Jawatan	Kehadiran
Saizol bin Ismail (mulai 22 April 2020)	Pengerusi	5/5
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	8/8
Azizah binti Ariffin (mulai 22 April 2020)	Ahli	4/8
Ir. Dr. Haji Mohmad Asari bin Daud (mulai 22 April 2020)	Ahli	5/5
Dato' Ir. Haji Sanusi bin Paijan (hingga 10 April 2020)	Pengerusi	3/3
Ir. Yap Sin Chong (hingga 10 April 2020)	Ahli	3/3

2. Jawatankuasa Teknikal, Produk, Penyelidikan dan Pembangunan

Sebanyak enam (6) mesyuarat telah diadakan pada tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti yang berikut:

SEBANYAK

6 
mesyuarat

telah diadakan pada
tahun kewangan tersebut

Anggota Suruhanjaya dan Status	Jawatan	Kehadiran
Dato' Ir. Haji Sanusi bin Paijan (1 Disember 2019 hingga 10 April 2020; dilantik semula pada 6 Mei 2020)	Pengerusi	6/6
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	5/6
Datuk Mohd Razlan bin Muhammad Rafii (mulai 6 Mei 2020)	Ahli	2/4
Ir. Dr. Haji Mohmad Asari bin Daud (mulai 22 April 2020)	Ahli	4/4
Ir. Yap Sin Chong (1 Disember 2019 hingga 10 April 2020; dilantik semula pada 22 April 2020)	Ahli	6/6
Ir. V. Subramaniam (hingga 10 April 2020)	Pengerusi	2/2
Dato' Ir. Dr. Haji Abdul Rashid bin Maidin (hingga 10 April 2020)	Ahli	2/2

3. Jawatankuasa Audit

Sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan pada tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti yang berikut:

SEBANYAK

4 
mesyuarat

telah diadakan pada
tahun kewangan tersebut

Anggota Suruhanjaya dan Status	Jawatan	Kehadiran
Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad (mulai 6 Mei 2020)	Pengerusi	3/3
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	3/4
Dato' Ir. Haji Sanusi bin Paijan (1 Disember 2019 hingga 10 April 2020; dilantik semula pada 6 Mei 2020)	Ahli	2/2
Ir. Yap Sin Chong (1 Disember 2019 hingga 10 April 2020; dilantik semula pada 22 April 2020)	Ahli	3/3
Steven Choong Shiau Yoon (hingga 10 April 2020)	Pengerusi	1/1
Haji Sarajun Hoda bin Haji Abdul Hassan (hingga 10 April 2020)	Ahli	1/1
Ir. V. Subramaniam (hingga 10 April 2020)	Ahli	1/1

4. Jawatankuasa Pelesenan, Penguatkuasaan dan Perundangan

Sebanyak tujuh (7) mesyuarat telah diadakan pada tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti yang berikut:

SEBANYAK

7 
mesyuarat

telah diadakan pada
tahun kewangan tersebut

Anggota Suruhanjaya dan Status	Jawatan	Kehadiran
Lukman Sheriff bin Alias (mulai 6 Mei 2020)	Pengerusi	6/6
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	7/7
Dato' Ir. Haji Sanusi bin Pajjan (1 Disember 2019 hingga 10 April 2020; dilantik semula pada 6 Mei 2020)	Ahli	6/6
Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad (mulai 6 Mei 2020)	Ahli	3/6
Johari bin Pawanchik (mulai 22 April 2020)	Ahli	5/6
Haji Abdul Halim bin Jantan (hingga 10 April 2020)	Pengerusi	1/1
Dr. Gurdial Singh Nijar (hingga 10 April 2020)	Ahli	0/1
Haji Sarajun Hoda bin Haji Abdul Hassan (hingga 10 April 2020)	Ahli	1/1
Ir. V. Subramaniam (hingga 10 April 2020)	Ahli	0/1

5. Jawatankuasa Pendidikan dan Perlindungan Pengguna (sebelum ini dikenali sebagai Jawatankuasa Alam Sekitar, Pendidikan dan Perlindungan Pengguna)

Sebanyak lima (5) mesyuarat telah diadakan pada tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti yang berikut:

SEBANYAK

5 
mesyuarat

telah diadakan pada
tahun kewangan tersebut

Anggota Suruhanjaya dan Status	Jawatan	Kehadiran
Mohd Shahir bin Mohd Adnan (mulai 22 April 2020)	Pengerusi	5/5
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	5/5
Datuk Mohd Razlan bin Muhammad Rafii (mulai 6 Mei 2020)	Ahli	2/5
Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad (mulai 6 Mei 2020)	Ahli	3/5

6. Jawatankuasa Perkhidmatan dan Ganjaran

Sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan pada tahun kewangan tersebut. Status jawatan dan kehadiran bagi setiap ahli ditunjukkan seperti yang berikut:

SEBANYAK

4 
mesyuarat

telah diadakan pada
tahun kewangan tersebut

Anggota Suruhanjaya dan Status	Jawatan	Kehadiran
Johari bin Pawanchik (mulai 22 April 2020)	Pengerusi	3/4
Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif	3/4
Saizol bin Ismail (mulai 22 April 2020)	Ahli	3/4
Lukman Sheriff bin Alias (mulai 6 Mei 2020)	Ahli	3/4
Charles Santiago (hingga 10 April 2020)	Pengerusi	1/1
Steven Choong Shiau Yoon (hingga 10 April 2020)	Ahli	1/1
Faizal Parish bin Abdullah (hingga 10 April 2020)	Ahli	1/1

Nota: Saraan dan elaun bagi Anggota Suruhanjaya adalah seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan



PENGURUSAN KANAN



- 30** Pengurusan Kanan
- 31** Struktur Organisasi
- 32** Carta Organisasi
- 34** Fungsi Jabatan-Jabatan dan Perkhidmatan Sokongan di Bawah SPAN

Pengurusan Kanan



**Dato' Haji Ahmad Faizal
bin Abdul Rahman**
(Ketua Pegawai Eksekutif)



**Ir. Muhamad Sobri
bin Zakaria**
(Pengarah Eksekutif)



**Dato' Ir. Mohd Shukri
bin Abdul Razik**
(Pengarah Eksekutif)



Zarina binti Sulieman
(Pengarah Kanan)



**Norhisham bin
Sahlan**
(Pengarah Kanan)



Sujatha Nair
(Pengarah Kanan)



**Abdull Sukor
bin Ismail**
(Pengarah Kanan)



**Mohd Jalaludin
Sulaiman**
(Pengarah Kanan)



**Kirupakaran a/l
Visuvalingam**
(Pengarah Kanan)



**Mohamad Nasir
bin Mahmood**
(Pengarah Kanan)



**Noorhashim bin
Baron**
(Pengarah Kanan)



**Bukhari bin Abdul
Rahman**
(Pengarah Kanan)

Struktur Organisasi

Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan keseluruhan serta urusan hal-ehwal harian Suruhanjaya. Struktur organisasi dibahagikan kepada tiga (3) fungsi utama iaitu pengawalseliaan, undang-undang dan penguatkuasaan, dan khidmat sokongan.




Jabatan dan bahagian-bahagian di bawah fungsi-fungsi tersebut bertanggungjawab melaksanakan visi dan misi Suruhanjaya iaitu mengawal selia industri perkhidmatan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Terdapat empat (4) pejabat wilayah bagi membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan pelbagai fungsinya. Pejabat-pejabat Wilayah ini terletak di Seberang Prai bagi Wilayah Utara, Cyberjaya bagi Wilayah Tengah, Johor Bahru untuk Wilayah Selatan dan Kuala Terengganu untuk Wilayah Timur. Empat (4) pejabat cawangan juga diwujudkan di Ipoh, Melaka, Kuantan dan Kota Bharu bagi membantu menjalankan fungsi yang dilaksanakan oleh Pejabat Wilayah Utara, Selatan dan Timur. Jadual 3 menunjukkan kawasan-kawasan pentadbiran pejabat-pejabat wilayah serta cawangan SPAN:

Pejabat Wilayah	Negeri/Wilayah Persekutuan
Wilayah Utara	Perlis, Kedah dan Pulau Pinang
Wilayah Tengah	Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
Wilayah Timur	Terengganu
Wilayah Selatan	Johor dan Negeri Sembilan
Cawangan Ipoh (Utara)	Perak
Cawangan Melaka (Selatan)	Melaka
Cawangan Kuantan (Timur)	Pahang
Cawangan Kota Bharu (Timur)	Kelantan

Jadual 3: Pejabat Wilayah dan Cawangan SPAN

Carta Organisasi



Carta 2: Carta Organisasi

FUNGSI PENGAWALSELIAN

**BAHAGIAN AUDIT
DALAMAN &
INTEGRITI**

PENGARAH KANAN

Bukhari Abdul Rahman

**BAHAGIAN
PENGUATKUASAAN**

PENGARAH KANAN

Kirupakaran
Visuvalingam

PENGUATKUASAAN

PENGARAH

Ainal Yusman
Mohd Yusop

SIASATAN

**BAHAGIAN UNDANG-
UNDANG &
PERKHIDMATAN
URUSETIA**

PENGARAH KANAN

Sujatha Nair

**PERKHIDMATAN
UNDANG-UNDANG**

PENGARAH

Suraya Hussain

PENDAKWAAN

PENGARAH

Shariful Azman
Mustapa Yahya

**PERKHIDMATAN
URUSETIA**

**BAHAGIAN PERANCANGAN
STRATEGIK**

PENGARAH EKSEKUTIF

Dato' Mohd Shukri
Abdul Razik

**PENGURUSAN
PENGETAHUAN**

PENGARAH

Hani Hussain

**PERANCANGAN
STRATEGIK**

PENGARAH

Masdi Abd Karim

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN
KORPORAT**

PENGARAH KANAN

Zarina Sulieman

KEWANGAN

PENGARAH

Dr. Abrari Salleh

MODAL INSAN

PENGARAH

Suhaimi Mohd Adenan

**KORPORAT
KOMUNIKASI & HAL
EHWAL PENGGUNA**

PENGARAH

Mohd Fazil Ismail

**BAHAGIAN KHIDMAT
SOKONGAN**

PENGARAH KANAN

Norhisham Sahlan

IT

**PENGURUSAN ASET
& PENTADBIRAN**

PEROLEHAN

**FUNGSI UNDANG-UNDANG &
PENGUATKUASAAN**

FUNGSI KHIDMAT SOKONGAN

Fungsi Jabatan, Bahagian-Bahagian dan Perkhidmatan Sokongan di Bawah SPAN



A. FUNGSI PENGAWALSELIAN

i. Jabatan Kawal Selia Air dan Pembetulan

- a. Bahagian Standard Teknikal dan Pematuhan
 - Membangun dan mengkaji semula dasar dan strategi
 - Membangun dan mengkaji semula reka bentuk kejuruteraan dan standard pembinaan
 - Membangun, mengumpul, menyusun dan mendokumentasikan standard teknikal
 - Meluluskan dan menyemak reka bentuk dan spesifikasi kerja
 - Membangunkan peraturan-peraturan dan garis panduan tentang perkhidmatan air
 - Membangunkan kod amalan
 - Menetapkan dan memantau Petunjuk Prestasi Utama (teknikal)
 - Pensijilan dan latihan bagi kontraktor dan tukang paip
 - Melantik Orang Yang Berkelayakan
 - Semakan semula pematuhan
 - Audit ke atas Agensi Perakuan
 - Audit ke atas operator air
 - Penanda aras (teknikal)
- b. Bahagian Perancangan Sumber dan Tadahan
 - Pelan pengurusan dan penggantian aset
 - Membangun dan mengkaji semula perancangan sumber air
 - Pengurusan Kumpulan Wang Industri Air
 - Memantau kewajiban sosial dalam menyediakan bekalan air di kawasan luar bandar
 - Menilai ketersediaan air mentah dan lokasi
 - Menyemak dan menilai Pelan Tadahan Pembetulan
 - Menyemak semula Pelan Pengurusan Alam Sekitar
 - Menilai keselamatan empangan dan tadahan sumber air
 - Menyemak semula pelan tindakan bencana (termasuk operator kepada pengguna)
- c. Bahagian Pembangunan Industri
 - Membangun standard dan garis panduan produk-produk
 - Pendaftaran pembekal dan produk
 - Mempromosikan produk skim kecekapan
 - Melaksanakan audit ke atas produk dan bahan
 - Pembangunan kapasiti dan kecekapan industri
 - Pembangunan manual yang berkompentensi

ii. Bahagian Audit Industri Air

- Audit tematik ke atas aktiviti berimpak tinggi bagi pemegang lesen dan operator yang diberi kuasa, iaitu:
 - Permintaan dan Pembekalan air
 - Pengurusan Air Tidak Terhasil (NRW)
 - Pengurusan Pengebilan
 - Pengurusan Perbelanjaan Modal (CAPEX)
 - Pengurusan Aset
 - Petunjuk Prestasi Utama
 - Audit bukan teknikal (kecekapan pungutan, pungutan hutang dan nisbah operasi)

iii. Bahagian Pelesenan dan Tarif

- Rundingan semula dengan pemegang perjanjian konsesi air utama
- Mengkaji semula, menyelaraskan dan memantau pelan migrasi
- Mengkaji semula pelan penstrukturan semula
- Menyemak semula model kewangan
- Mengkaji semula Akaun Kawal Selia Industri Air (WIRA)
- Kumpulan Wang Industri Air
- Mekanisme penilaian dan penetapan tarif
- Semakan tarif
- Penilaian pelan perniagaan Lesen Individu dan melaksanakan audit (kewangan)
- Penetapan dan pemantauan Petunjuk Prestasi Utama (kewangan)
- Membangun dan menyemak semula rangka kerja kawal selia (kewangan)
- Pungutan fi

iv. Bahagian Operasi Wilayah (Tengah/ Utara/ Selatan/ Timur)

- Pemantauan kualiti air
- Pemantauan dan penguatkuasaan
- Menguruskan aduan
- Audit Operasi
- Memproses permohonan Permit (pengeluaran dan pembaharuan)
- Mengumpul dan menganalisis data daripada Agensi Perakuan (CA) dan operator air
- Menghubung dan berurusan dengan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri
- Kutipan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP)
- Mengurus Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan
- Mengkaji dan menilai cadangan projek untuk dilaksanakan di bawah KWSMP
- Menyemak semula dan menilai permohonan *offset*



B. FUNGSI UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN

i. Bahagian Penguatkuasaan

- Menjalankan penguatkuasaan dan siasatan ketidakpatuhan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)
- Menjalankan pemeriksaan ketidakpatuhan
- Melaksanakan serbuan
- Menyediakan kertas siasatan
- Tindakan susulan ke atas ketidakpatuhan daripada audit dan aduan
- Memastikan pematuhan undang-undang secara betul
- Mengeluarkan kompaun
- Menguruskan aduan

ii. Bahagian Undang-Undang dan Perkhidmatan Urus setia

- Memberi khidmat nasihat undang-undang
- Menggubal perundangan subsidiari
- Menyemak kontrak dan perjanjian
- Menyemak perjanjian konsesi
- Menyelaraskan Mesyuarat Suruhanjaya dan Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa
- Menyediakan dan mengemaskinikan rekod atau dokumen urus setia
- Menyelaraskan keputusan pekeliling mengenai perkara yang memerlukan tindakan segera
- Menasihatkan atau mengemaskinikan keputusan Suruhanjaya kepada pengurusan

iii. Bahagian Pendakwaan

- Menjalankan pendakwaan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)
- Menyediakan saksi untuk perbicaraan



C. FUNGSI KHIDMAT SOKONGAN

i. Bahagian Pengurusan Korporat

- a. Kewangan
 - Laporan Kewangan
 - Belanjawan
 - Pemiutang dan Penghutang
 - Perbendaharaan
 - Pengurusan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan (KWSMP)
 - Percukaian

- b. Modal Insan
 - Pengambilan kakitangan
 - Kemudahan dan faedah
 - Pengurusan gaji
 - Latihan dan pembangunan
 - Tatatertib
 - Penilaian prestasi
- c. Korporat Komunikasi dan Hal Ehwal Pengguna
 - Komunikasi dalaman
 - Komunikasi luaran
 - Pengurusan acara
 - Bahan bercetak
 - Memantau aktiviti-aktiviti Forum Air

ii. Bahagian Khidmat Sokongan

- Perancangan dan penilaian infrastruktur IT
- Perolehan dan pemasangan
- Pentadbiran sistem
- Akses dan keselamatan
- Pemulihan bencana
- Menguruskan aset IT dan inventori
- Pemantauan dan penyelesaian masalah
- Penyelenggaraan dan sokongan
- Aktiviti perolehan
- Pengurusan aset dan pengurusan kemudahan pejabat

iii. Bahagian Audit Dalam dan Integriti

- Audit pengendalian (Penilaian kecekapan dan keberkesanan proses dan kecukupan kawalan dalaman)
- Audit kewangan dan pelaporan
- Siasatan kecurian, kerugian, penipuan atau tuduhan
- Laporan audit dan penemuan
- Tindakan lanjut audit dan semakan semula
- Memantau pelan integriti SPAN
- Polisi pemberi maklumat

iv. Bahagian Perancangan Strategik

- Perancangan strategik SPAN
- Kad skor korporat
- Penetapan dan pemantauan Petunjuk Prestasi Utama
- Pengumpulan dan analisis data air dan pembetungan
- Menguruskan pangkalan data operasi dan penyelenggaraan
- Menyediakan Laporan Prestasi Industri Air kepada Menteri



LAPORAN SURUHANJAYA

A decorative horizontal line with a wavy, undulating pattern. On the right side of this line is a circular logo containing a stylized letter 'Q'.

Laporan Suruhanjaya

(A) Kemajuan bagi Reformasi Perkhidmatan Air

(i) Kemajuan Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air

Reformasi yang dilaksanakan dalam industri perkhidmatan air bertujuan untuk memastikan kemapanan jangka panjang dan penyediaan perkhidmatan yang berkualiti kepada pengguna. Kerajaan Persekutuan telah menetapkan hala tuju polisi penstrukturan semula yang berasaskan model aset ringan di mana operator akan memindahkan aset air dan liabiliti yang berkaitan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), yang kemudiannya memajakkan aset semula pada kadar yang berpatutan kepada operator untuk pengoperasian dan penyelenggaraan.

Kerajaan Persekutuan juga membenarkan operator yang lebih cekap dan berdaya maju daripada segi kewangan untuk beroperasi secara separa ringan aset dan mereka dijangka mencapai pemulihan kos penuh lebih awal daripada operator lain. Model pembiayaan ini direka bagi membantu operator perkhidmatan air untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan dengan memfokuskan kepada pengoperasian bagi meningkatkan kecekapan dan mencapai keberkesanan kos di mana perbelanjaan modal akan dibiayai oleh PAAB pada kos pembiayaan yang kompetitif.

Setakat 31 Disember 2020, sebanyak 10 buah negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Selangor, Pahang, Kedah dan Perlis telah memuktamadkan penstrukturan semula mereka. Dalam hal ini, negeri Pahang, Kedah dan Perlis merupakan tiga (3) negeri terakhir yang telah memuktamadkan penstrukturan semula mereka pada tahun 2020 dengan masing-masing menandatangani perjanjian pada 23 Disember 2020 (Pahang) dan 4 Mac 2021 (Kedah dan Perlis). Manakala Kerajaan Negeri Terengganu telah memutuskan untuk tidak bermigrasi ke rejim aset ringan. Dalam hal ini, pembangunan infrastruktur sistem bekalan air tidak akan dibiayai oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Sementara itu bagi Wilayah Persekutuan (WP) Labuan, penstrukturan semulanya hanya dapat dilaksanakan setelah ianya dikorporatkan.

Secara keseluruhan, terdapat 11 operator telah bermigrasi ke rejim pelesenan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Operator yang lain iaitu Bahagian Bekalan Air Labuan telah diberi kuasa di bawah seksyen 188 Akta 655 untuk tempoh 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 bagi menyediakan perkhidmatan bekalan air di WP Labuan.

(ii) Migrasi ke Rejim Pelesenan

(a) Lesen Individu

Seksyen 4 Akta 655 memperuntukkan bahawa:

- pemilik sistem bekalan air dan pembetulan awam hendaklah mendapatkan suatu Lesen Individu (Kemudahan); dan
- operator sistem bekalan air dan pembetulan awam hendaklah mendapatkan suatu Lesen Individu (Perkhidmatan).

Jenis Lesen	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	Jumlah
Kemudahan	1	0	1	1	0	0	0	1	0	2	1	2	9
Perkhidmatan	3	3	3	5	1	1	0	3	2	0	4	5	30
Jumlah	4	3	4	6	1	1	0	4	2	2	5	7	39

Jadual 4: Jumlah Lesen Individu (Kemudahan) dan Lesen Individu (Perkhidmatan) (tidak termasuk pembaharuan) yang dikeluarkan dari 2009 hingga 2020

Pada 2020, dua (2) Lesen Individu (Kemudahan) baharu, lima (5) Lesen Individu (Perkhidmatan) baharu dan lima (5) pembaharuan telah dikeluarkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.



Bil	Pemegang Lesen	Negeri	Jenis Lesen	Skop Lesen	Tempoh Lesen
1	Bekalan Air KIPC Sdn Bhd	Terengganu	Kemudahan (permohonan pertama)	Memiliki suatu sistem bekalan air awam atau mana-mana bahagian sistem itu di Kompleks Petrokimia Bersepadu Kerteh (KIPC)	1 Januari 2020 – 31 Disember 2022
			Perkhidmatan (permohonan pertama)	Mengusahakan, menyediakan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau sebahagian daripada perkhidmatan itu dengan cara mengendalikan suatu sistem bekalan air awam di Kompleks Petrokimia Bersepadu Kerteh (KIPC)	1 Januari 2020 – 31 Disember 2022
2	Veolia Water (Dungun) Sdn Bhd	Terengganu	Perkhidmatan (permohonan pertama)	Mengusahakan operasi dan penyelenggaraan Loji Rawatan Air Kemudi	1 Januari 2020 – 31 Disember 2022
3	TRX Clean Water Sdn Bhd	Kuala Lumpur	Kemudahan (permohonan pertama)	Memiliki suatu sistem pembetungan awam atau mana-mana bahagian sistem itu di Tun Razak Exchange (TRX)	1 Januari 2020 – 31 Disember 2022
4	Veolia Water Technologies Services IWK Sdn Bhd	Kuala Lumpur	Perkhidmatan (permohonan pertama)	Mengusahakan operasi dan penyelenggaraan Loji Rawatan Kumbahan Tun Razak Exchange (TRX)	1 Januari 2020 – 31 Disember 2022
5	MK Services Sdn Bhd	WP Labuan	Perkhidmatan (permohonan pertama)	Mengusahakan operasi dan penyelenggaraan Loji Rawatan Air Kampung Lawa Gadong, Beaufort	1 Mac 2020 – 30 April 2022
6	MMC Pembetungan Langat Sdn Bhd	Selangor	Perkhidmatan (permohonan pertama)	Mengusahakan operasi dan penyelenggaraan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Langat	1 Oktober 2020 – 30 September 2023
7	Aliran Utara Sdn Bhd	Perak	Perkhidmatan (pembaharuan kali ke-3)	Mengusahakan operasi dan penyelenggaraan Loji Rawatan Air (LRA) Gunung Semanggol dan LRA Taiping Headworks di Perak	1 November 2020 – 30 April 2021


Bil	Pemegang Lesen	Negeri	Jenis Lesen	Skop Lesen	Tempoh Lesen
8	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd	Pulau Pinang	Kemudahan (pembaharuan kali ke-3)	Memiliki suatu sistem bekalan air awam atau mana-mana bahagian sistem itu di Pulau Pinang	1 Januari 2020 – 31 Disember 2022
			Perkhidmatan (pembaharuan kali ke-3)	Mengusahakan, menyediakan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau sebahagian daripada perkhidmatan itu di Pulau Pinang	1 Januari 2020 – 31 Disember 2022
9	Prisma Karun Sdn Bhd	Pertis	Perkhidmatan (pembaharuan pertama)	Mengusahakan operasi dan penyelenggaraan Loji Rawatan Air Sungai Baru	1 Januari 2020 – 31 Disember 2022
10	Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd	Terengganu	Perkhidmatan (pembaharuan kali ke-3)	Mengusahakan, menyediakan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau sebahagian daripada perkhidmatan itu di Terengganu	1 Januari 2020 – 31 Disember 2022

Jadual 5: Lesen Individu yang dikeluarkan pada 2020

(b) Lesen Kelas


Seksyen 20 Akta 655 menghendaki pemilik untuk memegang suatu Lesen Kelas (Kemudahan) bagi membolehkan mereka memiliki suatu sistem bekalan air persendirian atau sistem pembetulan persendirian. Sementara itu, seseorang yang mengusahakan, menyediakan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembetulan hendaklah memiliki suatu Lesen Kelas (Perkhidmatan). Carta 3 menunjukkan bilangan Lesen Kelas (Kemudahan) yang diluluskan dari 2016 hingga 2020. Jumlah Lesen Kelas (Kemudahan) yang diluluskan pada 2020 adalah 361 untuk kedua-dua sistem bekalan air dan sistem pembetulan persendirian.





Carta 3: Lesen Kelas (Kemudahan) yang diluluskan dari 2016 hingga 2020

Jumlah Lesen Kelas (Perkhidmatan) yang diluluskan dari 2016 hingga 2020 ditunjukkan dalam Carta 4. Sebanyak 366 Lesen Kelas (Perkhidmatan) telah diluluskan pada 2020 untuk perkhidmatan bekalan air, rawatan air, agihan air dan perkhidmatan pembetulan.



Carta 4: Lesen Kelas (Perkhidmatan) yang diluluskan dari 2016 hingga 2020

(c) Pemberikuasaan

Pemberikuasaan untuk beroperasi diperuntukkan di bawah seksyen 188, 189, 191 dan 192 Akta 655. Pemberikuasaan diberikan kepada operator yang masih belum bermigrasi ke rejim pelesenan atas pelbagai sebab. Sebagai contoh, Bahagian Bekalan Air Labuan masih belum menyempurnakan proses pengkorporatan dan Kerajaan Negeri masih lagi di peringkat rundingan dengan Kerajaan Persekutuan berhubung penyerahan sistem pembedungan awam di negeri Johor kepada Indah Water Konsortium Sdn Bhd. Pemberikuasaan yang diperuntukkan di bawah seksyen 188, 189 dan 191 setakat 31 Disember 2020 ditunjukkan dalam Jadual 6.

Bil	Kategori	Perkhidmatan Bekalan Air	Perkhidmatan Pembedungan	Jumlah	Operator
1	Pemberikuasaan kepada agensi/ jabatan/ lembaga air/ pihak berkuasa air di bawah seksyen 188	1	-	1	Bahagian Bekalan Air Labuan
2	Pemberikuasaan kepada pihak berkuasa tempatan bagi perkhidmatan pembedungan di bawah seksyen 189	-	3	3	i. Majlis Bandaraya Johor Bahru ii. Majlis Perbandaran Pasir Gudang iii. Majlis Daerah Kota Tinggi
3	Pemberikuasaan kepada pemegang konsesi di bawah seksyen 191	-	1	1	Indah Water Konsortium Sdn Bhd

Jadual 6: Pemberikuasaan di bawah seksyen 188, 189 dan 191 setakat 31 Disember 2020

Operator yang diberi kuasa di bawah seksyen 192(5) akan terus beroperasi di bawah perjanjian konsesi sedia ada sehingga tamat tempoh seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Bil	Kategori	Perkhidmatan Bekalan Air	Jumlah	Operator	Tempoh Konsesi
1	Pemberikuasaan kepada syarikat konsesi di bawah seksyen 192(5)	1	1	Metropolitan Utilities Corporation Sdn Bhd	16 Julai 2014 – 31 Mac 2024

Jadual 7: Pemberikuasaan di bawah seksyen 192 (5) setakat 31 Disember 2020

(d) Permit

Seksyen 50 Akta 655 memperuntukkan bahawa seseorang yang bercadang untuk menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan sistem bekalan air atau pemetungan hendaklah mendapatkan salah satu permit yang berikut daripada SPAN.

Jenis Permit	Deskripsi Permit
A1	Menjalankan apa-apa pembinaan, penyambungan, pengubahsuaian atau pembaikan seksyen paip air perkhidmatan selepas titik meter dan perpaipan dalaman.
A2	Menjalankan apa-apa pembinaan, penyambungan, pengubahsuaian atau pembaikan sistem bekalan air sebagaimana yang dinyatakan di bawah Jenis A1 di atas dan paip perhubungan.
B	Menjalankan apa-apa kerja yang perlu untuk menyambungkan suatu sambungan persendirian kepada suatu pemetungan atau tempat merawat kumbahan.
C1	Bagi memasukkan tender dan/atau mengusahakan projek atau kerja melebihi RM10,000,000 untuk menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pemetungan.
C2	Bagi memasukkan tender dan/atau mengusahakan projek atau kerja melebihi RM2,000,000 tetapi tidak melebihi RM10,000,000 untuk menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pemetungan.
C3	Bagi memasukkan tender dan/atau mengusahakan projek atau kerja melebihi RM200,000 tetapi tidak melebihi RM2,000,000 untuk menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pemetungan.
C4	Bagi memasukkan tender dan/atau mengusahakan projek atau kerja tidak melebihi RM200,000 untuk menjalankan apa-apa pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian kepada mana-mana bahagian suatu sistem bekalan air atau sistem pemetungan.
D	Menjalankan perkhidmatan penyenggaraan bagi suatu sistem bekalan air atau suatu sistem pemetungan tetapi yang tidak melibatkan pengendalian sistem tersebut.
E	Mengusahakan, menyediakan atau mengadakan perkhidmatan penyaliran cemar pemetungan atau apa-apa perkhidmatan pemetungan yang lain.

Jadual 8: Jenis Permit

Tujuan permit dikeluarkan adalah untuk memastikan kerja-kerja dilaksanakan oleh kontraktor dan tukang paip yang kompeten serta memenuhi kualiti dan piawaian yang ditetapkan. Jumlah permohonan permit baharu dan pembaharuan yang diluluskan dari 2011 hingga 2020 masing-masing ialah 32,716 dan 51,973. Pada 2020, sejumlah 5,244 permohonan permit baharu dan 6,245 permohonan pembaharuan permit telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 4,681 permit baharu dan 5,998 permit yang diperbaharui telah dikeluarkan kepada pemegang permit.

Jenis Permit	Permit diluluskan		Permit dikeluarkan	
	Baharu	Pembaharuan	Baharu	Pembaharuan
A1	352	606	350	600
A2	136	778	135	764
B	216	135	175	130
C1 – Bekalan Air	229	371	196	355
C1 – Pembetulan	160	222	141	203
C2 – Bekalan Air	168	334	150	315
C2 – Pembetulan	83	122	65	112
C3 – Bekalan Air	787	917	711	882
C3 – Pembetulan	356	393	314	383
C4 – Bekalan Air	829	721	781	692
C4 – Pembetulan	358	223	326	217
D – Bekalan Air	639	743	526	705
D – Pembetulan	903	635	785	596
E	28	45	26	44
Jumlah	5,244	6,245	4,681	5,998

Jadual 9: Permit yang diluluskan dan dikeluarkan pada 2020

(iii) Pelaksanaan Mekanisme Penetapan Tarif

Industri perkhidmatan air di Malaysia telah bertahun-tahun menghadapi masalah untuk membuat semakan tarif justeru mengakibatkan tarif rendah yang tidak mencerminkan kos keseluruhan sebenar bagi penyediaan perkhidmatan bekalan air oleh operator.

Negeri	Tahun Semakan Terakhir	Tempoh Tarif Tidak Disemak (tahun)	Tarif Purata (RM/m ³)	Kedudukan Tarif Terendah
Pahang	1983	38	0.82	1
Perlis	1996	25	0.86	3
Terengganu	1997	24	0.84	2
Perak	2006	15	0.99	5
Selangor	2006	15	1.51	10
Kedah	2010	11	1.11	6
Kelantan	2013	8	1.13	7
Pulau Pinang	2015	6	0.97	4
Negeri Sembilan	2015	6	1.42	8
WP Labuan	2015	6	1.87	11
Johor	2015	6	2.24	12
Melaka	2016	5	1.48	9
Tarif Purata 2019				RM1.40/m ³
Purata OPEX 2019				RM0.96/m ³
Purata Kos Keseluruhan (OPEX + CAPEX) 2019				RM1.61/m ³

Jadual 10: Tahun semakan tarif untuk setiap negeri

Nota: OPEX ialah perbelanjaan operasi manakala CAPEX ialah perbelanjaan modal

SPAN telah membangunkan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) yang adil dan telus dengan tujuan melangkah ke arah pemulihan kos penuh untuk industri perkhidmatan air serta memastikan pengguna hanya dikenakan tarif yang berdasarkan perbelanjaan yang layak dan ditanda aras. Pelaksanaan TSM merangkumi tiga (3) komponen utama seperti yang berikut:

- Penyeragaman struktur tarif – untuk menyeragamkan struktur tarif sedia ada di semua negeri berdasarkan struktur seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11.

Jalur Air (m ³)	Komponen Kos Tarif
Domestik	
0 – 20	OPEX
> 20 – 35	OPEX + CAPEX
> 35	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang dikawal selia + Kos Alam Sekitar
Bukan Domestik	
0 – 35	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang dikawal selia
> 35	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang dikawal selia + Kos Alam Sekitar
Kategori Khas	
Institusi Keagamaan / Kebajikan	OPEX
Domestik Pukal	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang dikawal selia
Penghantaran	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang dikawal selia + Kos Alam Sekitar

Jadual 11: Mekanisme Penetapan Tarif

Nota: Kos Alam Sekitar ialah kos pemuliharaan kawasan tadahan air. Kos ini masih belum diambil kira dalam pengiraan tarif di bawah TSM, kerana ia tertakluk kepada kajian Kumpulan Wang Industri Air yang masih diteliti oleh SPAN dan kementerian.

- b. Penyeragaman kaedah penetapan caj minimum – untuk menyeragamkan kaedah penetapan caj minimum bagi semua kategori tarif di semua negeri berdasarkan ambang penggunaan sebanyak 10 m³; dan
- c. Pelarasan kadar tarif – untuk menyemak kadar tarif di semua negeri secara serentak berdasarkan komponen kos tarif di bawah pelaksanaan TSM penuh setiap tiga tahun. Namun begitu, mengambil kira impak drastik terhadap pengguna susulan daripada pelaksanaan TSM penuh, pelarasan kadar tarif akan dibuat berdasarkan TSM separa.

Di bawah TSM separa, kenaikan tarif dihadkan pada 30 peratus bagi mengurangkan impak drastik yang dijangka kepada pengguna. Sehubungan itu, kenaikan tarif melebihi 30 peratus hanya akan dibenarkan untuk Pahang dan Perlis, yang masing-masing tidak menyemak tarif mereka melebihi 20 tahun sehingga menyebabkan defisit operasi yang tinggi. Pulau Pinang juga dibenarkan untuk menyemak kadar tarif melebihi 30 peratus bagi membolehkan operatornya menampung keperluan perbelanjaan modal masa depan. Walaupun kenaikan tarif melebihi 30 peratus untuk ketiga-tiga negeri ini, impak kepada bil bulanan pengguna dijangka tidak signifikan berikutan daripada tarif sedia ada yang rendah.

Sebagai sebahagian daripada pelan komunikasi TSM, SPAN telah menghasilkan empat (4) video pendek dengan tujuan untuk mewujudkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu yang berkaitan dengan impak perubahan iklim terhadap sumber air, penggunaan air yang berlebihan oleh pengguna, cabaran yang dihadapi oleh operator air dan tarif air yang tidak mampan. Video-video ini telah dihebahkan melalui televisyen nasional serta laman web SPAN dan operator dan media sosial iaitu Facebook, YouTube dan Instagram.

Cadangan pelaksanaan TSM di seluruh Semenanjung Malaysia dan WP Labuan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Kabinet pada Julai 2020, di mana ia telah diputuskan untuk ditangguhkan dan diperhalusi lagi bagi memastikan kesan yang minimum kepada pengguna. Dengan penangguhan pelaksanaan TSM, operator dijangka akan mempunyai kedudukan kewangan yang semakin lemah dalam masa terdekat, terutamanya bagi mereka yang menghadapi defisit operasi pada masa ini seperti Pahang dan Perlis.



(iv) Semakan Tarif Pembetulan

Tarif pembetulan di Malaysia tidak disemak sejak 1994, iaitu lebih daripada 26 tahun. Pada masa ini, tarif pembetulan dikenakan berdasarkan tarif yang diwartakan di bawah Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pembetulan (Caj) 1994 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pembetulan (Caj) (Pindaan) 2004.


Semakan tarif pembetulan amatlah diperlukan pada masa ini bagi menampung kos operasi perkhidmatan pembetulan. Justeru, pada 2020, semakan tarif pembetulan telah dilaksanakan bagi mengurangkan jurang kos operasi. Semakan tarif pembetulan telah dicadangkan untuk dilaksanakan secara berperingkat bagi mengurangkan impak kepada pengguna melalui pelaksanaan pengimbangan semula tarif sebelum mengenakan caj tarif berdasarkan penggunaan air (tarif volumetrik). Pelaksanaan pengimbangan semula tarif hanya melibatkan kategori domestik bagi kedua-dua perkhidmatan bersambung dan nyah enap cemar.



Pada 2020, semakan tarif pembetulan telah dilaksanakan bagi mengurangkan jurang kos operasi

Cadangan semakan tarif pembetulan bagi kategori domestik di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan telah dibentangkan pada Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster Utiliti, Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 21 Disember 2020, dan akan dibentangkan di Jawatankuasa Eksekutif dan Majlis Tertinggi NACCOL sebelum mendapat kelulusan di peringkat Kabinet.

Melangkah ke depan, SPAN akan mengadakan rundingan awam bagi menghebahkan maklumat mengenai keperluan semakan tarif pembetulan. Maklum balas daripada rundingan awam akan dibentangkan kepada Kementerian sebelum mendapat persetujuan daripada Kabinet.



(B) Akta dan Perundangan Subsidiari

Dalam memastikan bahawa keperluan industri perkhidmatan air dipenuhi dan untuk membolehkan SPAN mengawal selia industri ini dengan berkesan, SPAN telah mencadangkan beberapa pindaan ke atas Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 [Akta 654], Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655], dan enam perundangan subsidiari serta mencadangkan empat perundangan subsidiari baharu.

(i) Akta Utama

- (a) Pindaan tambahan ke atas Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 [Akta 654]

Pindaan tambahan dicadangkan pada Akta 654 bagi menentukan pihak yang meluluskan dan nilai kontrak yang akan dikuatkuasakan.

Pindaan tambahan yang dicadangkan ini dan pindaan sedia ada sedang menunggu kelulusan Kementerian Alam Sekitar dan Air ("Kementerian") dan Jabatan Peguam Negara.

- (b) Pindaan tambahan ke atas Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655]

Tambahan pindaan yang dicadangkan pada Akta 655 adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai yang diberi kuasa bagi menyita kenderaan dan menangkap tanpa waran mana-mana orang yang disyaki melakukan kesalahan yang boleh disita. Bagi mengekang peningkatan jumlah kes pencemaran, pindaan tambahan dicadangkan untuk meningkatkan hukuman, membolehkan kos dituntut terhadap pencemar dan memberi kuasa kepada pegawai yang diberi kuasa untuk mengambil tindakan ke atas pencemar yang membuang bahan cemar ke dalam lubang.

Cadangan pindaan tambahan ini dan pindaan sedia ada sedang menunggu kelulusan Kementerian Alam Sekitar dan Air dan Jabatan Peguam Negara.

(ii) Perundangan Subsidiari

- (a) Peraturan-Peraturan

1. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) (Pindaan)

Pindaan pada Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perlesenan) 2007 telah dicadangkan bagi membuat semakan terhadap tempoh lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini daripada 3 tahun kepada 5 tahun. Draf ini sedang menunggu kelulusan Kementerian dan Jabatan Peguam Negara.

2. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Pengkompaunan Kesalahan) (Pindaan)

Pindaan pada Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Pengkompaunan Kesalahan) 2008 telah dicadangkan untuk merangkumi kesalahan yang dikompaun di bawah Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Perancangan, Reka Bentuk Dan Pembinaan Sistem Pembetungan Dan Tangki Septik) 2013 dan Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air Dan Pemasangan Paip) 2014. Draf ini sedang menunggu kelulusan Kementerian dan Jabatan Peguam Negara.

3. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyah Enap Cemar)

Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyah Enap Cemar) digubal bagi menetapkan kekerapan menyahenap cemar berjadual tangki septik oleh pemegang lesen perkhidmatan. Draf ini sedang menunggu kelulusan Kementerian dan Jabatan Peguam Negara.

4. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Efluen Terlarang)

Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Efluen Terlarang) digubal bagi menetapkan senarai efluen terlarang yang berkemungkinan dilepaskan ke sistem pembetungan awam dengan kelulusan Suruhanjaya. Draf ini sedang menunggu kelulusan Kementerian dan Jabatan Peguam Negara.

(b) Kaedah-Kaedah

1. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air Antara Pengguna Dengan Pemegang Lesen Pengagihan Air) (Pindaan Berjadual) 2020

Pindaan pada Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air Antara Pengguna Dengan Pemegang Lesen Pengagihan Air) 2014 digubal untuk memperjelas syarat untuk menghentikan bekalan air kepada penghuni premis haram, dan tanggungjawab Pemegang Lesen Pengagihan Air untuk membekalkan bekalan air dalam tempoh gangguan air terhad kepada pengguna domestik. Kaedah-Kaedah ini telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2020.

2. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air Antara Pengguna Dengan Pemegang Lesen Pengagihan Air) 2014 Pembetulan

Pembetulan ke atas Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air Antara Pengguna Dengan Pemegang Lesen Pengagihan Air) 2014 dibuat untuk memperbaiki rujukan tidak tepat yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah ini. Pembetulan ini telah diwartakan pada 30 Jun 2020.

3. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air Dan Pemasangan Paip) (Pindaan)

Pindaan ke atas Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air Dan Pemasangan Paip) (Pindaan) 2014 dibuat untuk merangkumi agensi pentadbiran di bawah definisi "pemaju" dan untuk semak semula standard yang diiktiraf untuk dipatuhi oleh seseorang yang mereka bentuk, membina, mengubah, mengubah suai, memutuskan sambungan atau menutup mana-mana bahagian sistem retikulasi air luaran, takungan perkhidmatan terpusat, sesalur utama bekalan, sistem bekalan air persendirian atau kelengkapan air. Draf ini sedang menunggu kelulusan Kementerian dan Jabatan Peguam Negara.

4. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) (Pindaan)

Pindaan ke atas Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007 dicadangkan untuk membuat pindaan pada syarat-syarat sedia ada bagi memenuhi aplikasi melalui sistem e-permit, mengukuhkan syarat bagi setiap kategori permit dan memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk menolak permohonan dan menghentikan pemegang permit dalam keadaan tertentu. Draf ini sedang menunggu kelulusan Kementerian dan Air dan Jabatan Peguam Negara.

5. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Standard Prestasi dan Adopsi Petunjuk Prestasi Utama untuk Perkhidmatan Bekalan Air)

Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Standard Prestasi dan Adopsi Petunjuk Prestasi Utama untuk Perkhidmatan Bekalan Air) digubal untuk mengekodkan standard prestasi yang dikehendaki oleh pemegang lesen perkhidmatan air. Draf ini sedang menunggu kelulusan Kementerian dan Jabatan Peguam Negara.

6. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Pendaftaran Pembekal)

Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Pendaftaran Pembekal) digubal untuk membolehkan Suruhanjaya mengawal selia semua hal berkaitan pendaftaran pembekal bagi memastikan produk yang digunakan atau dibekalkan dalam industri perkhidmatan air, mematuhi standard dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Suruhanjaya. Draf ini sedang menunggu kelulusan Kementerian dan Jabatan Peguam Negara.

(C) Perkhidmatan Bekalan Air

(i) Liputan Perkhidmatan Bekalan Air

Liputan perkhidmatan bekalan air bagi Semenanjung Malaysia dan WP Labuan pada 2020 meningkat sebanyak 0.1% kepada 96.9% berbanding 2019. Liputan bagi kawasan bandar kekal pada 96.9%, manakala, liputan bagi kawasan luar bandar meningkat sebanyak 0.1% kepada 96.8%. Kebanyakan negeri merekodkan akses kepada perkhidmatan bekalan air melebihi 95% pada 2020 kecuali negeri Kelantan. Ini disebabkan oleh sebilangan isi rumah di Kelantan masih menggunakan sumber alternatif. Namun, Kelantan telah menunjukkan peningkatan dalam liputan perkhidmatan bekalan air secara purata daripada 70.7% kepada 71.7%.

Negeri	% Liputan Perkhidmatan Bekalan Air					
	2019			2020		
	Bandar	Luar Bandar	Purata	Bandar	Luar Bandar	Purata
Johor	100	99.8	99.9	100	99.8	99.9
Kedah	100	96.5	98.3	100	96.5	98.3
Kelantan	63.5	77.8	70.7	64.5	78.9	71.7
WP Labuan	100	100	100	100	100	100
Melaka	100	100	100	100	100	100
Negeri Sembilan	100	99.8	99.9	100	99.8	99.9
Pulau Pinang	100	99.8	99.9	100	99.8	99.9
Pahang	100	96.0	98.0	100	96.0	98.0
Perak	100	99.2	99.6	100	99.2	99.6
Perlis	100	99.0	99.5	100	99.0	99.5

Negeri	% Liputan Perkhidmatan Bekalan Air					
	2019			2020		
	Bandar	Luar Bandar	Purata	Bandar	Luar Bandar	Purata
Selangor	100	99.5	99.8	100	99.5	99.8
Terengganu	99.1	92.9	96.0	99.1	92.9	96.0
Jumlah	96.9	96.7	96.8	96.9	96.8	96.9

Jadual 12: Liputan Perkhidmatan Bekalan Air dari 2019 hingga 2020

(ii) Sumber Air Mentah

Sungai merupakan sumber air mentah utama yang menyumbang lebih daripada 80% berbanding sumber-sumber lain seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 13.

Sumber	2019		2020	
	Kapasiti (jlh)	Peratusan (%)	Kapasiti (jlh)	Peratusan (%)
Air Permukaan	12,498	81.3	13,067	80.8
Empangan	2,669	17.4	2,899	17.9
Air Bawah Tanah	202	1.3	201	1.3
Jumlah	15,369	100	16,166	100

Jadual 13: Sumber Air Mentah dari 2019 hingga 2020

(iii) Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air, Pengeluaran dan Rizab Margin

Rizab margin keseluruhan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 14, meningkat sebanyak 5.3% kepada 16.3% pada 2020 dengan peningkatan kapasiti reka bentuk loji sebanyak 8.1% atau 1,352 juta liter sehari (jlh).

Perkara	Unit	2019	2020	Perbezaan
Air Mentah	jlh	15,369	16,166	+797 jlh @ +5.2%
Bilangan Loji Rawatan Air yang beroperasi	Nos	328	330	+2 LRA
Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air	jlh	16,500	17,901	+1,401 jlh @ +8.5%
Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air (Permintaan)	jlh	16,596	17,949	+1,352 jlh @ +8.1%
Pengeluaran	jlh	14,723	14,916	+192 jlh @ +1.3%
Jumlah Isi padu air yang dibekalkan ke dalam sistem (System Input Volume - SIV)	jlh	14,764	15,026	+262 jlh @ +1.8%

Perkara	Unit	2019	2020	Perbezaan
Rizab margin	%	11.0	16.3	+5.3
Pengeluaran vs. Air Mentah (Kehilangan Air di loji)	%	-4.0	-8.0	-4.0

Jadual 14: Kapasiti Reka bentuk LRA, Pengeluaran dan Rizab Margin dari 2019 hingga 2020

(iv) Air Tidak Terhasil (NRW)

Kadar Air Tidak Terhasil (NRW) bagi Semenanjung Malaysia dan WP Labuan meningkat dari 33.2% pada 2019 kepada 33.8% pada 2020. Kadar NRW bagi peringkat nasional juga meningkat dari 35.6% pada 2019 kepada 36.4% pada 2020. Bagi 13 tahun yang lalu iaitu dari tahun 2008 hingga 2020, penurunan kumulatif kadar NRW hanya 3.1% bagi Semenanjung Malaysia dan WP Labuan, manakala, peningkatan sebanyak 0.2% bagi peringkat nasional.

Kawasan	NRW (%)												
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Nasional	36.9	36.3	36.4	36.7	36.4	36.6	35.6	35.5	35.2	35.0	36.2	35.6	36.4
Semenanjung Malaysia dan WP Labuan	36.2	36.6	35.4	36.1	35.9	35.7	34.5	33.9	33.6	33.4	33.9	33.2	33.8

Jadual 15: Air Tidak Terhasil dari 2008 hingga 2020

Peningkatan kadar NRW terutamanya disebabkan oleh impak daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan bagi mencegah penularan pandemik Covid-19 yang bermula pada 18 Mac 2020. Dalam tempoh tersebut, pola penggunaan air di seluruh Malaysia terjejas. Perniagaan dan Industri mengurangkan aktiviti komersialnya atau ditutup buat sementara waktu. Sebaliknya, penggunaan air domestik menunjukkan peningkatan apabila lebih ramai pengguna berada di rumah. Pelaksanaan program NRW seperti kawalan kebocoran yang aktif, pengurusan tekanan, penggantian meter dan penggantian paip juga terjejas dalam tempoh PKP.

Pecahan perincian kadar NRW bagi tahun 2020 ditunjukkan dalam Jadual 16. Berbanding 2019, hanya tiga (3) buah negeri yang mencatatkan penurunan kadar NRW, iaitu Kedah, Negeri Sembilan dan Selangor, manakala, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan pada kadar NRW. Pulau Pinang mencatatkan kadar NRW terendah iaitu pada 23.52% dan Perlis adalah tertinggi iaitu pada 64.88%.

Negeri	NRW (%)		Peningkatan atau (Penurunan) (%)
	2019	2020	
Johor	24.91	26.71	1.80
Kedah	48.49	48.39	(0.10)
Kelantan	50.76	51.73	0.97

Negeri	NRW (%)		Peningkatan atau (Penurunan) (%)
	2019	2020	
WP Labuan	29.78	33.62	3.84
Melaka	21.25	30.01	8.76
Negeri Sembilan	31.95	31.78	(0.16)
Pulau Pinang	22.92	23.52	0.60
Pahang	47.41	50.28	2.87
Perak	29.52	30.13	0.61
Perlis	63.32	64.88	1.56
Selangor	29.62	28.54	(1.08)
Terengganu	34.68	35.24	0.56
Jumlah	33.18	33.85	0.67

Jadual 16: Perbandingan kadar NRW 2019 – 2020

(v) Kualiti Air Terawat

Pemantauan dan pemeriksaan kualiti air dijalankan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Program Pengawasan Kualiti Air Minum Kebangsaan di pelbagai peringkat bagi memastikan piawaian kualiti air dipatuhi. Ujian kualiti air dijalankan seperti yang berikut:

- air yang dikeluarkan daripada loji rawatan air;
- air yang dikeluarkan daripada takungan pengimbangan dan servis; dan
- aliran air di sepanjang sistem pengagihan sebelum memasuki premis pengguna.

Air terawat diuji sehingga 37 parameter yang berbeza termasuk rasa, bau, warna, mikro-organisma, kandungan bahan kimia, dan racun perosak. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk kualiti air berdasarkan Program Jaminan Kualiti (QAP), yang telah ditetapkan kepada operator rawatan air dan agihan air, bagi memantau prestasi kualiti air minum.

Jadual 17 menunjukkan ringkasan status pematuhan lima (5) parameter utama terpilih meliputi mikrobiologi, fizikal, bahan kimia dan estetika di bawah QAP yang ditetapkan oleh KKM.

Parameter	2019		2020	
	% Sasaran QAP	% Pematuhan	% Sasaran QAP	% Pematuhan
E. Coli	99.85	99.95	99.85	99.95
Baki Klorin	98.15	99.47	98.15	99.45
Gabungan Baki Klorin dan E. Coli	99.95	99.99	99.95	99.98
Kekeruhan	98.00	98.94	98.00	99.00
Aluminium	90.00	94.80	90.00	93.65

Jadual 17: Pencapaian QAP dan Purata Pematuhan Kualiti Air 2019 – 2020

(D) Perkhidmatan Pembetungan

(i) Kemudahan Perkhidmatan Pembetungan


Kemudahan sistem pembetungan di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan terdiri daripada loji rawatan kumbahan awam dan persendirian (LRK) serta tangki septik komunal (CST), tangki septik individu (IST) dan sistem tradisional seperti tandas curah (PF). Bilangan kemudahan dan penduduk setara untuk setiap jenis sistem adalah seperti dalam Jadual 18.

Kemudahan Pembetungan	2019		2020	
	Kuantiti	Penduduk Setara (PE)	Kuantiti	Penduduk Setara (PE)
Sistem Rawatan Kumbahan Awam (a+b)	7,114	27,062,756	7,203	27,525,662
a. Loji Rawatan Kumbahan Awam	7,012	18,045,882	7,101	18,321,827
b. Loji Rawatan Serantau Awam	102	9,016,874	102	9,203,835
Loji Rawatan Kumbahan Persendirian	4,119	4,302,350	4,307	4,724,242
Tangki Septik Komunal	4,231	515,034	4,230	514,819
Tangki Septik Individu	1,360,395	7,060,201	1,362,426	7,088,163
Sistem Tradisional	1,175,248	5,876,240	1,155,258	5,776,290
Stesen Pam Rangkaian	1,272	-	1,312	-
Panjang Rangkaian Kumbahan (km)	20,780	-	21,216	-

Jadual 18: Kemudahan-kemudahan Pembetungan 2019 – 2020

(ii) Pematuhan Efluen

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) telah diperkenalkan pada 2009, sebagai satu alat berkanun untuk pematuhan efluen dan piawaian, yang mana petunjuk alam sekitar yang boleh diukur memberikan suatu perbandingan bermakna untuk prestasi keseluruhan parameter utama yang ditetapkan. Parameter utama yang perlu dipatuhi oleh suatu loji rawatan kumbahan (LRK) ialah *Biochemical Oxygen Demand* (BOD), *Chemical Oxygen Demand* (COD), *Suspended Solids* (SS), *Ammoniacal Nitrogen* (NH₃-N), dan *Oil and Grease* (O&G). Untuk LRK yang dikendalikan dan diselenggarakan oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK), pematuhan sebanyak 95.5% telah dicapai pada 2020, dengan peningkatan sebanyak 0.5% berbanding 2019. Kelantan di bawah Majaari Services Sdn Bhd (MSSB) pada ketika itu, telah melaporkan pematuhan sebanyak 100%.



Carta 5: Purata Pematuhan Kualiti Efluen Purata bagi 2020

Pada 2020, sasaran dasar yang ditetapkan untuk IWK ialah 96% untuk prestasi dan pematuhan efluen. Beberapa buah negeri telah mencatatkan peratusan pematuhan yang lebih rendah, iaitu Pahang, Selangor, Perlis, Melaka, Pulau Pinang, Perak dan Terengganu. Peratusan pematuhan yang rendah terutamanya disebabkan oleh kerosakan peralatan dan pembuangan efluen terlarang. Beberapa langkah telah diambil bagi mengurangkan kemasukan efluen terlarang yang dapat mengganggu proses, seperti memasang kunci pada lurang kumbahan, dan meningkatkan pemantauan dan jaminan di kawasan berisiko tinggi.

(iii) Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP)

Dana terkumpul untuk Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP) dari 2011 hingga 2020 adalah berjumlah RM2,828,363,611. Kutipan KWSMP pada 2020 meningkat sebanyak 10% kepada RM341,059,176 berbanding 2019, di mana 91.3% atau RM311,300,666 disumbangkan melalui sumbangan harta tanah ke sistem pembetulan awam.

Kategori	Kutipan KWSMP (RM)		
	2011 – 2019	2020	Jumlah
Penaiktarafan	60,370,977	17,038,676	77,409,653
Sumbangan	2,273,520,287	311,300,666	2,584,820,953
Tangki Septik Individu	112,330,882	9,587,112	121,917,994
Kemudahan Enap Cemar	13,287,422	1,508,775	14,796,197
Standby Generator Set	5,845,941	1,345,632	7,191,573
Standby Generator Set dan Kemudahan Enap Cemar	1,504,981	238,300	1,743,281
Bangunan Spesifik I	31,400	10,355	41,755

Kategori	Kutipan KWSMP (RM)		
	2011 – 2019	2020	Jumlah
Bangunan Spesifik II	231,835	29,660	261,495
Jabatan Perkhidmatan Pembetulan	20,180,710	0	20,180,710
Jumlah	2,487,304,432	341,059,176	2,828,363,611

Jadual 19: Kutipan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan 2011 – 2020

KWSMP yang dikutip daripada pemaju digunakan untuk perbelanjaan modal sistem pembetulan awam. Dari 2012 hingga 2020, sejumlah 42 projek fizikal dengan jumlah RM802,886,064 telah diluluskan oleh Jawatankuasa KWSMP berdasarkan kriteria yang berikut:

- kemudahan yang memerlukan pembaikan dan pembaik pulih segera untuk diambil alih oleh IWK;
- kemudahan yang menimbulkan risiko keselamatan dan memberi kesan kepada kesihatan orang awam;
- pembaikan ke atas kemudahan untuk menangani isu keselamatan seperti pencerobohan, kecurian peralatan, vandalisme, dan lain-lain; dan
- kemudahan yang boleh menyebabkan kacau ganggu dan menimbulkan aduan orang ramai.

Jadual 20 menunjukkan projek KWSMP yang lulus dan telah dilaksanakan dari 2012 hingga 2020.

Tahun	Projek Fizikal					
	Bukan Kecemasan		Kecemasan		Jumlah	
	Jumlah Projek	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Projek	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Projek	Jumlah Kos (RM)
2012	7	81,051,612	0	0	7	81,051,612
2013	8	135,557,435	1	68,004	9	135,625,439
2014	3	34,359,503	2	239,607	5	34,599,110
2015	3	137,996,400	2	630,200	5	138,626,600
2016	0	0	0	0	0	0
2017	0	0	0	0	0	0
2018	12	210,093,010	1	90,293	13	210,183,303
2019	0	0	0	0	0	0
2020	3	202,800,000	0	0	3	202,800,000
Jumlah	36	801,857,960	6	1,028,104	42	802,886,064

Jadual 20: Ringkasan Projek KWSMP dari 2012 hingga 2020

Selaras dengan peranan SPAN yang hanya mengkaji, menilai, dan membiayai projek KWSMP, enam (6) projek telah diluluskan oleh Jawatankuasa KWSMP pada 2020 dengan jumlah kos sebanyak RM223,927,779. Kesemua projek ini telah dilaksanakan oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd.

Bil	Projek	Kos (RM)
1	Penaiktarafan 644 loji rawatan kumbahan Perenggan III Standard A kepada Perenggan I Standard A, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009	152,800,000
2	Kerja-kerja penggantian peralatan mekanikal utama dan instrumentasi di loji-loji rawatan kumbahan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan	27,986,672
3	Kerja-kerja membaik pulih paip pembedungan awam di lokasi-lokasi seperti yang berikut: 1. PDN102, Taman Orkid, Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus 2. KLR348, Taman Seputeh, Kuala Lumpur 3. SAM265, Persiaran Kuala Selangor, Shah Alam, Selangor	22,013,328
4	Cadangan untuk menambah baik fasiliti tandas di rumah-rumah ibadat dan tandas awam di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya	10,000,000
5	Pembiayaan kos penyelenggaraan tangki septik komunal bagi 2018 hingga 2020	10,377,779
6	Cadangan pemasangan sistem keselamatan penutup lurang yang berada dalam kawasan berisiko tinggi	750,000
Jumlah Kos (RM)		223,927,779

Jadual 21: Projek yang diluluskan oleh Jawatankuasa KWSMP pada 2020

(E) Pematuhan Standard

(i) Penyenaraian atau Pendaftaran Pembekal dan Produk

Prosedur penyenaraian atau pendaftaran pembekal dan produk dilaksanakan pada 2012 untuk industri perkhidmatan air. Semenjak itu, hanya terdapat sedikit penambahbaikan ke atas prosedur tersebut supaya ia lebih jelas dan efisien.

Aplikasi dalam talian yang dikenali sebagai Sistem *e-Registration* pembekal telah dilancarkan pada Februari 2013. Permohonan penyenaraian atau pendaftaran produk hanya boleh dilakukan secara atas talian. Sistem ini dapat membantu mengurangkan kekangan masa dan tempoh pemprosesan. Sistem *e-Registration* telah dipaut ke laman web SPAN dan membolehkan pengguna menyemak produk dan pembekal yang disenaraikan atau didaftarkan oleh SPAN sebelum produk tersebut dipasang pada sistem.

SPAN menerima sejumlah 3,501 permohonan daripada pembekal pada 2020. Terdapat peningkatan sebanyak 322 permohonan (10.1%) berbanding 2019. Permohonan ini terdiri daripada 2,545 (72.7%) untuk produk bekalan air dan 956 (27.3%) untuk produk pembedungan.

Secara keseluruhan, 2,150 permohonan telah diluluskan untuk penyenaraian atau pendaftaran produk bagi kegunaan dalam industri perkhidmatan air, di mana 1,599 permohonan (74.4%) telah diluluskan untuk sistem bekalan air dan 551 permohonan (25.6%) telah diluluskan untuk sistem pembedungan.

Pada 2020, sejumlah 549 pembekal telah didaftarkan dengan SPAN. Perincian penyenaian dan pendaftaran produk seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 22.

Kategori	Sistem Bekalan Air			Sistem Pembetungan		
	Jenis	Kuantiti	Peratusan	Jenis	Kuantiti	Peratusan
Kategori A Penyenaraian Produk	<i>Conveyance of Water</i>	401	32.3	<i>Conveyance of Sewerage</i>	183	54.3
	<i>Flow Control</i>	289	23.3			
	<i>Sanitary</i>	286	23.1			
	<i>Chemical for Water Treatment</i>	149	12.0	<i>Flow Control</i>	108	32
	<i>Storage of Water</i>	97	7.8	<i>Treatment System</i>	46	13.7
	Lain-lain	18	1.5			
	Jumlah	1,240	100	Jumlah	337	100
Kategori B Pendaftaran Produk	<i>Flow Control</i>	139	38.7	<i>Instrumentation and Control</i>	76	35.5
	<i>Water Quality Monitoring</i>	63	17.6	<i>Sludge Treatment</i>	39	18.2
	<i>Lining/ Coating/ Waterproofing/ Sealant</i>	43	12.0	<i>Aeration/ Air Supply/ Mixing/ Air Vacuum</i>	31	14.5
				<i>Clarifier/ Decanting</i>	14	6.5
				<i>Raw Sewage Pumping</i>	12	5.6
	<i>Measuring Device</i>	28	7.8	<i>Grit and Grease Removal</i>	10	4.7
	<i>Water Treatment Equipment</i>	26	7.2	<i>Effluent and Water Removal/ Recycle</i>	10	4.7
	<i>Chemical Water Treatment</i>	23	6.4	<i>Primary and Secondary Screening</i>	8	3.7
	<i>Conveyance of Water</i>	23	6.4	<i>Sewage Conveyance/ Flow Control</i>	6	2.8
	<i>Instrumentation and Control</i>	8	2.2	<i>Disinfection</i>	5	2.3
				<i>Treatment System</i>	2	1
	<i>Storage of Water</i>	6	1.7	<i>Odour Control</i>	1	0.5
	Jumlah	359	100	Jumlah	214	100

Jadual 22: Produk Kategori A dan Kategori B setakat 31 Disember 2020

(ii) Pembangunan Standard Produk

Standard produk merupakan bahagian yang penting dalam penyenaian produk dan pembekal bagi produk di bawah Kategori A. Standard yang relevan dan sesuai untuk produk yang digunakan dalam sistem bekalan air dan pembedungan telah diterima pakai dan diiktiraf oleh SPAN bagi tujuan pensijilan produk untuk penyenaian.

Standard yang diiktiraf untuk pensijilan produk bekalan air telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 2014 selepas Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 diwartakan pada 30 Januari 2014. Produk yang disenaraikan dalam Jadual Pertama [Kaedah 2 dan Sub-Kaedah 4 (1)], Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) (Pindaan) 2014 perlu mematuhi standard seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama tersebut untuk digunakan dalam sistem bekalan air.

Seiring dengan perubahan dalam pembangunan standard produk, SPAN telah mengambil bahagian dalam pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Jabatan Standard Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 23.

Bilangan Penyertaan Jawatankuasa		
Jawatankuasa Standard Industri (ISC)	Jawatankuasa Teknikal (TC)	Kumpulan Kerja (WG)
4	8	10

Jadual 23: Penyertaan SPAN dalam Pembangunan Standard

SPAN telah mengambil inisiatif untuk membangunkan spesifikasi teknikal (SPAN TS), dengan sasaran untuk:

- Meminimumkan produk yang tidak mempunyai standard untuk pensijilan produk oleh badan pensijilan;
- Menetapkan keseragaman untuk pelbagai aspek teknikal seperti spesifikasi, bahan binaan, kaedah ujian, penilaian, operasi, dan arahan pelaksanaan dan pencapaian;
- Meminimumkan isu-isu pada standard asal dan perbezaan pada keperluan teknikal dalam standard, bagi mengadaptasikan amalan semasa yang memudahkan pengeluar atau pembekal mematuhi syarat pensijilan dan ujian;
- Menguatkuasakan standard sebagai wajib untuk penyenaian atau pendaftaran produk dan pembekal, serta pendaftaran di bawah Skim Pelabelan Produk Cekap Air (SPPCA); dan
- Menggalakkan pendaftaran produk cekap air di bawah SPPCA dengan mengatasi elemen kekangan dalam standard asal.

Setakat 2020, terdapat sembilan (9) produk yang mana SPAN TS telah dibangunkan.

Bil	Jenis Produk	Kategori
1	<i>Sewage Treatment Systems – Packaged Plant</i>	Sistem Pembedungan
2	<i>Steel Pipes, Fittings and Joints</i>	Sistem Bekalan Air dan Sistem Pembedungan

Bil	Jenis Produk	Kategori
3	<i>Instrumentation and Control – Actuator</i>	Sistem Pembetulan
4	<i>Disinfection of Water – Electro chlorination Systems</i>	Sistem Bekalan Air
5	<i>Equipment for Sludge/ Residual Treatment (Sludge Thickening and Dewatering)</i>	Sistem Bekalan Air dan Sistem Pembetulan
6	<i>Manhole Top</i>	Sistem Bekalan Air dan Sistem Pembetulan
7	<i>Water Tap – Single Taps and Combination Taps</i>	Sistem Bekalan Air dan SPPCA
8	<i>Shower Outlet for Sanitary Tapware for Water Supply System</i>	Sistem Bekalan Air dan SPPCA
9	<i>Washing Machines</i>	SPPCA

Jadual 24: Spesifikasi Teknikal (SPAN TS) untuk Produk

(iii) Audit Produk

Pada 2020, SPAN telah melaksanakan 14 audit secara rawak di premis pembekal bagi memastikan pematuhan kepada standard produk.

Produk	Pembekal
<i>Conveyance of Water/ Sewerage Treatment System</i>	Pipefab Industries Sdn Bhd
<i>Storage of Water</i>	Goodwater Engineering Sdn Bhd Weida Integrated Industries Sdn Bhd Kossan Industries Sdn. Bhd
<i>Sludge Treatment</i>	Cosmo Metal Sdn Bhd BinaSteel Industries Sdn Bhd
<i>Pumps</i>	P-Tech Engineering Sdn Bhd
<i>Flow Control</i>	Ebara Pumps Malaysia Sdn Bhd Grundfos Pumps Sdn Bhd KSB Malaysia Pumps & Valves Sdn Bhd
<i>Instrumentation and Control</i>	VAG Valve Sdn Bhd Tek Valve (M) Sdn Bhd
	Arachem Sdn Bhd Wika Instrumentation (M) Sdn Bhd

Jadual 25: Ringkasan Audit Produk pada 2020

Secara amnya, produk yang diaudit mematuhi standard dan syarat pendaftaran. Audit produk akan dijalankan secara berterusan bagi mengekalkan tahap keyakinan pengguna terhadap kualiti produk yang terdapat dalam industri perkhidmatan air.

(iv) Aduan Produk

Pada 2020, terdapat 31 aduan yang diterima untuk produk bekalan air dan tiga (3) untuk produk pembetulan. Jadual 26 menunjukkan ringkasan aduan dan status setakat 31 Disember 2020.

Perkara	2019			2020		
	Bekalan Air	Pembetulan	Jumlah	Bekalan Air	Pembetulan	Jumlah
Aduan diterima	11	2	13	31	3	34
Kes ditutup	3	1	4	8	0	8
Kes menunggu tindakan pembekal atau operator atau badan pensijilan	0	0	0	20	0	20
Kes menunggu pembekal menyelesaikan tindakan pembetulan atau pencegahan	3	0	3	3	2	5
Siasatan lanjut oleh Bahagian Penguatkuasaan	5	1	6	0	1	1

Jadual 26: Aduan Produk dari 2019 hingga 2020

(v) Pembangunan Garis Panduan Keselamatan Pembekalan dan Penggunaan Bahan Kimia Klorin untuk Sistem Bekalan Air

SPAN telah mengambil inisiatif untuk membangunkan garis panduan praktikal mengenai keselamatan pembekalan dan penggunaan bahan kimia klorin dalam sistem bekalan air. Selain membunuh patogen dalam air minum, bahan kimia klorin yang digunakan dalam proses pengklorinan mempunyai risiko keselamatan. Klorin merupakan suatu bahan kimia yang berbahaya, berpotensi membahayakan pekerja dan penduduk setempat dan sekitar di mana ia disimpan dan digunakan.

Objektif Garis panduan Keselamatan Pembekalan dan Penggunaan Bahan Kimia Klorin dalam sistem bekalan air yang bertujuan untuk memberikan panduan kepada pembekal dan operator sistem bekalan air, adalah seperti yang berikut:

- Untuk memastikan pembekalan dan penggunaan bahan kimia klorin dalam sistem bekalan air dikendalikan secara berkala mengikut prosedur yang disyorkan dan sistematik;
- Untuk mewujudkan kesamaan dalam pelbagai aspek keselamatan, teknikal dan pengurusan yang dapat diterima dan diterima pakai oleh semua pihak yang terlibat;
- Untuk menetapkan spesifikasi minimum yang akan digunakan oleh pembekal, operator air dan pihak yang terlibat;
- Untuk menyelaraskan dan mengharmonikan pelbagai peraturan atau prosedur atau kaedah agar ia lebih teratur.

Garis Panduan ini dibangunkan dengan kerjasama Kumpulan Kerja Pembangunan yang terdiri daripada agensi kerajaan, badan kawal selia, akademik, badan pensijilan dan pengujian, pengilang, pengimport bahan kimia klorin serta operator sistem bekalan air.

(vi) Skim Pelabelan Produk Cekap Air

Skim Pelabelan Produk Cekap Air (SPPCA) merupakan salah satu usaha berterusan SPAN dalam mempromosikan amalan baik bagi mengurangkan pembaziran dan pemuliharaan air. SPPCA telah dilancarkan pada Januari 2013 atas dasar sukarela bagi pembekal produk untuk mendaftar dan melabelkan produk cekap air mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh SPAN. Ia telah dijangkakan bahawa permintaan pengguna terhadap produk cekap air akan meningkat dari masa ke masa berikutan orang awam semakin sedar akan keperluan untuk memulihara sumber air dan menyumbang kepada persekitaran yang lestari.

Setakat ini, terdapat lima (5) jenis produk cekap air iaitu peralatan tandas, mesin basuh, pancuran mandi, tap air dan kelengkapan dan urinal. Bilangan pembekal telah berkurangan daripada 29 kepada 19 pembekal. Ia terdiri daripada 47 jenama dengan 292 model.


SPAN telah melaksanakan dua (2) kempen SPPCA untuk meningkatkan kesedaran orang awam.

Bil	Kempen	Tarikh
1	Program Tanggungjawab Sosial Korporat dengan Sumbangan Pili Cekap Air di Ipoh, Perak	4 Februari 2020
2	Program Tanggungjawab Sosial Korporat dengan Sumbangan Pili Cekap Air di Kampung Sungai Udang, Klang, Selangor	12 Mac 2020

Jadual 27: Program Promosi SPPCA

Pada 2020, SPAN telah menjalankan pemeriksaan mengenai pendaftaran dengan SPPCA di premis pembekal. Tujuan utama pemeriksaan ini, adalah untuk menggalakkan pembekal atau pengilang dalam pasaran atau pengeluaran produk cekap air sebagai sebahagian daripada usaha pemuliharaan, serta bagi meningkatkan kesedaran orang awam mengenai ketersediaan produk cekap air.

Daripada 32 pemeriksaan rawak yang dilakukan, 23 pembekal didapati tidak berdaftar dengan SPPCA. Namun, pembekal-pembekal ini telah dinasihatkan supaya mendaftarkan produk mereka dengan SPPCA.



Bil	Produk	Bilangan Pembekal
1	Tap air dan Kelengkapan	13
2	Peralatan tandas	17
3	Urinal	0
4	Pancuran mandi	0
5	Mesin basuh	2
Jumlah		32

Jadual 28: Bilangan pembekal yang diperiksa mengenai pendaftaran dengan SPPCA

(F) Inisiatif Industri Audit

Aktiviti audit ini kebiasaannya dilaksanakan secara pemeriksaan fizikal ke atas premis sesuatu perniagaan. SPAN telah melaksanakan audit tematik yang dimulakan sejak 2014, dengan memberi fokus pada masalah berimpak tinggi daripada aspek teknikal. Bermula 2016, skop audit telah diperluaskan kepada analisis pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) daripada aspek teknikal dan bukan teknikal. Pada akhir 2019, skop audit telah disemak semula yang dikenali sebagai audit khas, selaras dengan keperluan semasa di mana pelaporan yang lebih komprehensif bagi menunjukkan senario sebenar prestasi auditi.

Pada 2020, SPAN menyasarkan empat (4) audit penilaian untuk sepanjang tahun. Namun, rancangan audit terjejas akibat pandemik Covid-19. Pada Mac 2020, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di semua negeri di Malaysia dan diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). PKP sekali lagi dilaksanakan di Selangor dan beberapa buah negeri bagi membendung peningkatan kes wabak tersebut. Dalam tempoh tersebut, SPAN komited dalam mencapai sasaran pada tahap maksimum. Beberapa perancangan alternatif telah dipertimbangkan sekiranya senario kritikal ini berlanjutan.



SPAN komited dalam mencapai sasaran pada tahap maksimum

(i) Aktiviti Audit dan Penemuan pada 2020

Skop audit telah disemak semula daripada semata-mata aspek teknikal kepada satu skop yang lebih luas. Skop audit telah diperluaskan ke aspek bukan teknikal yang merangkumi praktik tadbir urus, daripada lembaga pengarah hingga pengurusan sumber manusia, kewangan, penguatkuasaan, KPI dan pencapaian, teknologi maklumat, perkhidmatan pelanggan dan integriti. Ini telah mendorong peningkatan dalam penemuan audit, cadangan-cadangan dan tindakan masa depan. Inisiatif ini telah menunjukkan bahawa Suruhanjaya mengambil serius dalam tindakan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan serta meningkatkan industri perkhidmatan air negara.

Pelaksanaan skop komprehensif ini bermula pada akhir 2019. Seperti yang diputuskan oleh Suruhanjaya, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd merupakan auditi pertama yang dipilih di bawah skop yang telah disemak semula ini. Pada suku pertama 2020, skop audit komprehensif ini telah dijalankan ke atas Syarikat Air Perlis Sdn Bhd dan diikuti oleh Air Kelantan Sdn Bhd ketika PKP berakhir pada Jun 2020.

Skop Audit		Pemegang Lesen	Objektif	Jumlah Penemuan
1	Audit Khas	Syarikat Air Perlis Sdn Bhd	Mengkaji dan menilai status keupayaan perkhidmatan	16
2	Audit Khas	Air Kelantan Sdn Bhd		50
Kertas kerja yang telah siap				
3	Audit Khas	Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd	Mengkaji dan menilai status keupayaan perkhidmatan	Kertas kerja siap sepenuhnya
4	Audit Khas	Bahagian Bekalan Air Labuan		

Jadual 29: Aktiviti audit pada 2020

Kertas kerja audit di atas membawa 30 peratus daripada jumlah beban kerja yang diselesaikan mengikut jadual. Usaha ini telah siap dan bersedia untuk dilaksanakan pada bila-bila masa bergantung kepada senario semasa. Selain aktiviti yang dinyatakan di atas, pemantauan penemuan audit yang sebelum ini, telah ditangani oleh auditi masing-masing. Namun, dengan norma baru, auditi telah diminta untuk mengemukakan serta jumlah penemuan yang diselesaikan sepanjang tahun.

(ii) Aktiviti Tindakan Susulan dan Pemantauan

Oleh sebab pelaksanaan PKP, isu-isu yang dapat diselesaikan adalah terhadap pada 2020. Auditi tidak dapat melakukan tugas sepenuhnya dan mengakibatkan kemajuan yang lambat terutama pada program perbelanjaan modal (CAPEX) dan tugas perbelanjaan operasi (OPEX) yang memerlukan pengendalian secara fizikal.

Audit Tematik		Pemegang Lesen	Bilangan Penemuan yang dikeluarkan	Bilangan penemuan yang diselesaikan (setakat Disember 2019)
1	Pengebilan Bersepadu	Bahagian Bekalan Air Labuan	13	5
2	Kumpulan Wang Industri Air	Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd	8	1
3	Pengurusan Air Tidak Terhasil	Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd	10	1
Audit Khas				
4	Status Keupayaan dan Kecekapan Perkhidmatan	Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd	35	7

Jadual 30: Aktiviti tindakan susulan dan pemantauan

(iii) Pengenalan Pelaksanaan Audit Komprehensif

Pada pertengahan 2019, aktiviti audit telah diubah daripada berasaskan tematik kepada pelaporan yang lebih komprehensif. Transformasi ke senario yang lebih kompleks telah memperlihatkan isu-isu yang dihadapi oleh auditi (pemegang lesen) daripada semua aspek yang tidak hanya terhadap kepada isu-isu teknikal tetapi juga bukan teknikal. Pelaksanaan audit ini akan menunjukkan status sebenar keupayaan pemegang lesen dalam menyampaikan perkhidmatan mereka.

Selain itu, cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh industri air pada masa ini adalah seperti di bawah:

- menyelesaikan pelaksanaan penyusunan semula industri air;
- melaksanakan mekanisme penetapan tarif yang telus dan adil;
- menguatkan fungsi kawal selia; dan
- mencapai kelestarian industri air.

Transformasi ini juga dapat mengetengahkan isu-isu di luar kemampuan pemegang lesen dalam menyelesaikan masalah yang timbul. Dengan kata lain, isu-isu ini memerlukan usaha kolaborasi dan keputusan antara agensi daripada pelbagai pihak berkepentingan di peringkat Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan.

Penubuhan jawatankuasa yang diketuai oleh Suruhanjaya merupakan inisiatif lain yang bertindak sebagai pengantara untuk usaha kolaborasi ini. Berdasarkan Mesyuarat Suruhanjaya, Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Syarikat Air Perlis telah ditubuhkan pada suku ketiga 2020. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Datuk Dr. Azhar bin Ahmad dan delegasi daripada Anggota Suruhanjaya dan SPAN, telah bertemu dengan Menteri Besar dan anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Perlis, bagi membincangkan lebih lanjut mengenai penemuan audit dan tindakan yang diperlukan oleh pihak berkaitan. Hasil daripada program ini, telah dilaporkan ke peringkat yang lebih tinggi untuk pertimbangan lanjut.

(iv) Edaran Laporan Audit dan Usaha Kolektif Antara Agensi

Laporan audit yang telus daripada setiap pelaksanaan audit diedarkan kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air, pihak berkepentingan yang relevan seperti Menteri Besar atau Ketua Menteri, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan auditi.

Laporan audit mengesyorkan tindakan pembetulan, bukan hanya kepada auditi tetapi juga kepada semua pihak yang berkaitan. Isu di luar kawalan auditi seperti masalah berkaitan penstrukturan industri air dan kadar tarif yang rendah, memberi implikasi terhadap prestasi kewangan auditi. Isu-isu antara agensi-agensi adalah lebih kompleks dan memerlukan usaha dan keputusan bersama antara pihak yang berkaitan.

(G) Penguatkuasaan dan Pendakwaan

(i) Siasatan dan Kompaun

Sebanyak 155 kertas siasatan tambahan telah dibuka pada 2020, untuk pelbagai kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Ini telah menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 924 kertas siasatan dibuka setakat 31 Disember 2020. Pelbagai kesalahan yang dilaporkan oleh operator dan tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh SPAN adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 31.

Kategori	Jenis Kesalahan	Bilangan Kesalahan		
		2008 – 2019	2020	Jumlah
Perkhidmatan Air	Seksyen 123 – Penyambungan menyalahi undang-undang	417	59	476
	Seksyen 89(9) – Pemotongan Bekalan Air	47	16	63
	Seksyen 124 – Mengganggu Meter	14	-	14
	Seksyen 125 – Mengganggu Sistem Bekalan Air	3	-	3
	Seksyen 126 – Mengambil Air dari Pili Bomba	4	1	5
	Seksyen 122 (1)(a) – Perbuatan Salah	19	2	21
	Seksyen 45 – Pembinaan Sistem Bekalan Air	10	2	12
	Seksyen 55 – Sekatan bekalan air	1	-	1
	Seksyen 121 – Kesalahan mengenai pencemaran air	2	5	7
Jumlah untuk Perkhidmatan Air		517	85	602

Kategori	Jenis Kesalahan	Bilangan Kesalahan		
		2008 – 2019	2020	Jumlah
Perkhidmatan Pemetungan	Seksyen 45 – Pembinaan Sistem Pemetungan	77	16	93
	Seksyen 122 (1)(d) – Perbuatan Salah	6	-	6
	Kaedah 20 – Kaedah-Kaedah IPA (Perancangan, Reka Bentuk Dan Pembinaan Sistem Pemetungan Dan Tangki Septik) 2013	4	-	4
	Seksyen 65 dan 66 – Kacau Ganggu	21	3	24
	Seksyen 60 – Sambungan yang Tidak Dibenarkan	5	1	6
	Seksyen 61 – Efluen terlarang dilepaskan ke dalam pemetung awam	4	13	17
	Seksyen 49 – Kelayakan untuk mengendalikan sistem	1	-	1
Jumlah untuk Perkhidmatan Pemetungan		118	33	151
Lain-lain	Seksyen 50 – Kehendak Permit	24	9	33
	Seksyen 129 – Penggunaan atau Pembekalan yang tidak sah atau Peralatan tidak mengikut piawaian, dan sebagainya	6	3	9
	Seksyen 130 – Kesalahan Memberi Maklumat Palsu	17	1	18
	Seksyen 20 – Kehendak Lesen Kelas	75	19	94
	Seksyen 4 – Kehendak Lesen Individu	8	3	11
	Seksyen 10 – Pematuhan Syarat Lesen Individu	3	2	5
	Seksyen 26 – Pematuhan Syarat Lesen Kelas	1	-	1
Jumlah untuk Lain-lain		134	37	171
JUMLAH KESELURUHAN		769	155	924

Jadual 31: Jumlah kes yang disiasat oleh SPAN setakat 31 Disember 2020

Pengadu	Status Kes						Jumlah
	Jatuh Hukum	Dikompaun	Tindakan Mahkamah	Dalam Siasatan	Selesai	Tiada Tindakan Lanjut	
SYABAS	24	4	0	1	111	48	188
SAINS	24	6	0	0	112	21	163
SAJH	5	2	0	1	52	11	71
SAMB	3	4	0	0	12	8	27
PAIP	4	6	0	2	33	9	54
SADA	2	1	0	0	20	3	26
AKSB	5	2	0	2	13	1	23
LAP	4	1	0	0	7	2	14
IWK	4	2	0	1	30	13	50

Pengadu	Status Kes						Jumlah
	Jatuh Hukum	Dikompau	Tindakan Mahkamah	Dalam Siasatan	Selesai	Tiada Tindakan Lanjut	
PBAPP	0	2	0	0	2	0	4
SATU	0	0	0	0	3	0	3
SPAN/Awam	22	29	1	20	186	34	292
BBA LABUAN	0	0	0	0	2	0	2
SAP	0	0	0	0	7	0	7
Jumlah	97	59	1	27	590	150	924

Jadual 32: Status Kertas Siasatan di bawah Akta 655 setakat 31 Disember 2020

Nota: Statistik ini mungkin berbeza dari tahun-tahun sebelum ini disebabkan kes-kes yang diklasifikasikan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya

Bil	Nama	Kompau (RM)
1	Impian Jaya Maju Sdn Bhd	25,000.00
2	Prima Sixteen Phase One Management Corporation	10,000.00
3	FM Global Logistics (M) Sdn Bhd	10,000.00
4	Irama Duta Sdn Bhd	25,000.00
5	Unipati Concrete Sdn Bhd	25,000.00
6	DSSR Tech Sdn Bhd	5,000.00
7	Azmin Bin Che Mat & Mariam Binti Jusoh	6,000.00
8	Induk Juara Sdn Bhd	5,000.00
9	Cantilever Bumi Sdn Bhd	25,000.00
10	Manjung Canopy Event Management	10,000.00
Jumlah		146,000.00

Jadual 33: Kes yang dikompau di bawah Akta 655 dan telah dijelaskan pada 2020

(ii) Pemantauan Sumber Air

Pada 2020, terdapat cabaran-cabaran yang perlu dihadapi akibat kemunculan wabak coronavirus. Namun demikian, SPAN tetap melaksanakan pemantauan yang agresif dan tindakan proaktif bagi memastikan tiada gangguan bekalan air terawat kepada orang awam. Oleh sebab sungai merupakan sumber utama untuk bekalan air, adalah penting bagi memastikan bahawa tiada pencemaran terhadap sumber ini. Bagi mencapai tujuan ini, SPAN melalui Bahagian Penguatkuasaan telah melaksanakan aktiviti rondaan harian di lokasi kritikal dan kawasan yang sering dijadikan lokasi pembuangan sisa terlarang. Pada 2020, terdapat 560 pemeriksaan dijalankan pada pelbagai lokasi dan 17 siasatan tapak telah dilaksanakan, bagi menyiasat insiden pencemaran yang akan mengakibatkan gangguan bekalan air. Inisiatif ini telah menghasilkan mekanisme yang berkesan untuk membasmi dan meminimumkan kes pencemaran.

(iii) Pemotongan Bekalan Air

Seksyen 55 Akta 655 memperuntukkan SPAN mengeluarkan notis kepada operator air awam untuk memotong sambungan bekalan air ke mana-mana premis jika Suruhanjaya mendapati bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi perlakuan suatu kesalahan di bawah Akta 655 atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau apa-apa alasan lain yang disifatkan patut oleh Suruhanjaya.

Pada 2020, SPAN menerima sejumlah 456 permohonan daripada pelbagai agensi dan badan penguatkuasaan untuk memotong sambungan bekalan air pada pelbagai premis, yang mana notis telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepada operator air masing-masing. Butiran mengenai notis adalah seperti dalam Jadual 34.

Pihak Berkuasa	2020	
	Bilangan Permohonan	Bilangan Premis
Polis Diraja Malaysia	12	158
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	1	20
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	15	71
Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)	8	207
Lain-lain	0	0
JUMLAH	36	456

Jadual 34: Permohonan Pemotongan Bekalan Air dari Pelbagai Agensi Kerajaan pada 2020

(iv) Pendakwaan

Pada tahun 2020 yang begitu mencabar, SPAN melalui Unit Pendakwaan telah mencapai 100% dalam sabitan kesalahan bagi kes-kes yang didakwa, di mana enam (6) kes yang didakwa (lanjutan dari 2019) berjaya disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Januari 2020.

Kes-kes tersebut melibatkan dua (2) pihak, salah satu daripadanya ialah LLC Infra Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Loh & Loh Sdn Bhd) dan yang satu lagi ialah Sinohydro Corporation (M) Sdn Bhd, yang mana setiap syarikat tersebut menghadapi tiga (3) tuduhan secara berasingan di bawah Seksyen 45(7)(a) Akta 655 – antara lain kesalahan dilakukan di mana sistem pembetulan atau sistem-sistem, dan tangki septik dibina tanpa kelulusan bertulis yang diperolehi terlebih dahulu daripada Suruhanjaya.

Oleh itu, secara keseluruhan, terdapat enam (6) saman berasingan yang difailkan terhadap syarikat-syarikat tersebut di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu. Kedua-dua pihak selepas itu mengaku bersalah atas kesemua tuduhan yang dikenakan terhadap mereka.

Bil	Syarikat	Saman	Kesalahan	Keputusan
1	LLC Infra Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Loh & Loh Sdn Bhd)	i. TA-63-18-05/2019 ii. TA-63-19-05/2019 iii. TA-63-20-05/2019	Seksyen 45(7)(a)	Denda RM15,000 untuk setiap saman atau 6 bulan penjara
2	Sinohydro Corporation (M) Sdn Bhd	i. TA-63-21-05/2019 ii. TA-63-22-05/2019 iii. TA-63-23-05/2019	Seksyen 45(7)(a)	Denda RM15,000 untuk setiap saman atau 6 bulan penjara

Jadual 35: Pertuduhan yang disabitkan kesalahan di bawah Akta 655 pada 2020

SPAN melalui Unit Pendakwaan telah melaksanakan lima (5) siri latihan pada 2020. Kumpulan sasaran termasuk kakitangan dalaman daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah SPAN, serta pihak luar atau pihak berkepentingan daripada operator air dan pembetungan di Semenanjung Malaysia, diberi suatu platform yang luas untuk perkongsian pengetahuan dalam bidang perspektif teknikal dan undang-undang.

Bil	Latihan	Tarikh dan Tempat	Kumpulan Sasaran
1	Latihan Penguatkuasaan dan post-mortem ke atas kes yang didakwa sebelum ini	25 hingga 26 Februari 2020 di Melaka	Unit Penguatkuasaan dan Pendakwaan SPAN
2	Bengkel untuk operator air di Perak	17 Julai 2020 di Perak	Lembaga Air Perak
3	Bengkel mengenai pendakwaan untuk pembetungan kepada Agensi Perakuan Wilayah Timur	12 dan 13 Ogos 2020 di Kelantan	SPAN dan Agensi Perakuan
4	Bengkel mengenai pendakwaan untuk pembetungan kepada Agensi Perakuan Wilayah Tengah dan Selatan	18 dan 19 Ogos 2020 di Negeri Sembilan	SPAN dan Agensi Perakuan
5	Bengkel mengenai pendakwaan untuk pembetungan kepada Agensi Perakuan Wilayah Utara	9 dan 10 September 2020 di Pulau Pinang	SPAN dan Agensi Perakuan

Jadual 36: Latihan yang dijalankan pada 2020

(H) Aduan Pengguna

(i) Aduan yang diterima oleh SPAN

Pada 2020, SPAN telah menerima sebanyak 1,582 aduan, iaitu 1,429 aduan mengenai perkhidmatan bekalan air dan 153 aduan mengenai perkhidmatan pembetungan. Aduan yang diterima oleh SPAN juga termasuk aduan dari Sabah dan Sarawak, yang bukan di bawah bidang kuasa SPAN. Secara keseluruhannya, 92% daripada aduan yang diterima berjaya diselesaikan.

Perkhidmatan	Aduan yang diterima		Aduan yang diselesaikan		5 Aduan yang sering diterima
	2019	2020	2019	2020	
Bekalan Air	1,046	1,429	1,036 (99%)	1,358 (95%)	i. Gangguan bekalan air yang kerap ii. Pertikaian mengenai pengebilan iii. Tekanan air rendah iv. Bacaan meter tidak tepat v. Paip pecah atau bocor
Pembetulan	148	153	124 (84%)	106 (69%)	i. Perkhidmatan nyah enap cemar ii. Bau daripada loji rawatan kumbahan iii. Pencemaran iv. Loji rawatan kumbahan yang tidak disenggarakan dengan sempurna v. Limpahan sisa kumbahan
Total	1,194	1,582	1,160 (97%)	1,464 (92%)	

Jadual 37: Aduan yang diterima dan diselesaikan oleh SPAN pada 2020

(ii) Aduan yang diterima oleh Operator

Bilangan aduan yang diterima oleh operator pada 2020, meningkat sebanyak 8.8% bagi perkhidmatan bekalan air dan menurun sebanyak 4.0% bagi perkhidmatan pembetulan masing-masing berbanding dengan 2019. Secara keseluruhannya, 96.8% daripada aduan ini berjaya diselesaikan.

Perkhidmatan	Aduan yang diterima		Aduan yang diselesaikan		5 Aduan yang sering diterima
	2019	2020	2019	2020	
Bekalan Air	1,247,636	1,358,031	1,213,406 (97.3%)	1,309,722 (96.4%)	i. Paip pecah atau bocor ii. Kualiti Air iii. Tekanan Air iv. Gangguan Bekalan Air v. Pengebilan dan meter air vi. Lain-lain
Pembetulan	738,771	709,320	737,198 (99.8%)	691,280 (97.5%)	i. Pengebilan ii. Perkhidmatan nyah enap cemar iii. Loji rawatan kumbahan iv. Rangkaian paip pembetulan dan stesen pam v. Lain-lain (tandas curah kumbahan, lain-lain)

Jadual 38: Aduan perkhidmatan bekalan air dan pembetulan yang diterima oleh operator pada 2020

DAIRI KORPORAT



Diari Korporat



1 8 Januari 2020

Kontraktor projek hidroelektrik didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu kerana memiliki sistem pembetulan dalam atau tangki septik yang dibina tanpa pelan dan spesifikasi yang dikehendaki diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh SPAN di Stesen Hidroelektrik Hulu Terengganu

2 21 Januari 2020

Pegawai SPAN memberi penerangan kepada pelajar sekolah yang mengunjungi ruang pameran SPAN sempena Majlis Pelancaran #JimatJanganBazir Peringkat Negeri Kedah

3 3 Februari 2020

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN turun padang melawat Loji Rawatan Air Pinang Tunggal bagi meninjau situasi bekalan air di negeri Kedah



4

4 4 Februari 2020

Anggota Suruhanjaya meninjau tapak pelupusan sampah haram berhampiran muka sawk Loji Rawatan Air Pinang Tunggal



5

5 4 Februari 2020

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN melawat rumah seorang penerima pili cekap air di sekitar Bandaraya Ipoh



6

6 22 Februari 2020

Warga kerja SPAN mengambil bahagian dalam Kejohanan Sukan SPAN 2020 anjuran Kelab Sukan, Rekreasi Dan Kebajikan SPAN



6



7 3 Mac 2020

Encik Mohd Fazil bin Ismail, Pengarah Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna SPAN melihat penyambungan paip secara haram di kebun sayur dekat Kampung Jimah, Lukut, Negeri Sembilan

8 5 Mac 2020

Encik Mohd Fazil bin Ismail, Pengarah Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna SPAN melihat penyambungan paip secara haram di Jalan Bukit Kemuning, Shah Alam, Selangor

9 12 Mac 2020

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN bersama Dr. Daroyah binti Alwi melawat rumah seorang penerima pili cekap air di Klang, Selangor



10



11



12

10 30 Mac 2020

Pegawai SPAN bersama wakil penduduk kampung meninjau sistem pengepaman bekalan air bawah tanah yang telah siap dibaikpulih di Kampung Orang Asli Bukit Kechil, Banting, Selangor

11 13 Mei 2020

YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air menyerahkan cenderahati kepada petugas SPAN pada Majlis Pelepasan Pasukan Penguatkuasaan Ops Air Raya dengan tujuan untuk memantau sumber air bagi mencegah sebarang pencemaran di sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), di Putrajaya

12 2 Jun 2020

YB Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, Pengerusi SPAN menyerahkan cenderamata berupa buku kepada YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air semasa lawatan rasmi beliau ke SPAN



13



14



15



16

13 17 Jun 2020

Pekerja SPAN menerima 'Tiffin Raya' sempena bulan sambutan Hari Raya Aidilfitri ketika tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

14 25 Jun 2020

Encik Mohd Fazil bin Ismail, Pengarah Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna SPAN melihat penyambungan paip secara haram di Teluk Panglima Garang, Selangor

15 8 Julai 2020

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN menuang sisa minyak dan gris ke dalam perangkap minyak sempena Majlis Pelancaran Perkhidmatan Sistem Pengosongan Perangkap Lemak, Minyak dan Gris (FOG) oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd, di Kementerian Alam Sekitar dan Air, Putrajaya

16 9 Julai 2020

Encik Mohd Fazil bin Ismail (Tengah), Pengarah Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna dan Encik Shahir bin Adnan (Kiri), Anggota Suruhanjaya SPAN pada sesi sidang media selepas Operasi Cegah Sambungan Haram ke atas sebuah kilang membancuh simen di Pulau Indah, Pelabuhan Klang, Selangor



17



17

17 10 Julai 2020

Pekerja SPAN menikmati durian sempena Program Jom Makan Durian 2020 anjuran Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi SPAN di Ibu Pejabat SPAN



18

18 13 Julai 2020

Encik Shahir bin Adnan, Anggota Suruhanjaya SPAN pada sesi ruang bicara yang bertajuk "Pencemaran Sumber Air; Ancaman Kepada Kesejahteraan Kehidupan Rakyat" di Bernama TV



19



20



21

19 6 Ogos 2020

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN menyerahkan cenderamata berupa buku Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 kepada Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Alam Sekitar), KASA ketika lawatan rasmi beliau ke SPAN

20 10 Ogos 2020

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN bersama pegawai Ranhill SAJ Sdn Bhd ketika lawatan rasmi beliau bersama anggota-anggota Suruhanjaya ke Loji Rawatan Simpang Renggam

21 11 Ogos 2020

Anggota-anggota Suruhanjaya bersama pegawai-pegawai SPAN bergambar kenangan di Empangan Durian Tunggal ketika lawatan rasmi mereka ke Syarikat Air Melaka Berhad



22

22 17 Ogos 2020

Pegawai SPAN sedang menunjukkan satu sambungan haram dalam operasi penguatkuasaan di Kemaman, Terengganu



23

23 19 Ogos 2020

Sebahagian daripada peserta SPAN ketika menghadiri taklimat berhubung pematuan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan keperluan Seksyen 45 bagi pembinaan sistem bekalan air di Hotel Bangi Resort



24

24 22 Ogos 2020

Encik Shahir bin Adnan, Anggota Suruhanjaya memasang bendera Malaysia pada sebuah kereta ketika menghadiri Majlis Agihan Jalur Gemilang di Kubang Kerian, Kelantan



25

25 23 Ogos 2020

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN menyerahkan sumbangan berupa kit Covid-19 kepada YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air sempena Majlis Penyampaian Sumbangan Khas dan Kit Covid-19 kepada Sekolah dan Institusi Pendidikan dalam Parlimen Kubang Kerian



26



27

26 26 Ogos 2020

Sebahagian daripada peserta ketika menghadiri Bengkel Pemurnian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pemegang Lesen Individu di Hotel Bangi Resort

27 2 September 2020 ~ 4 September 2020

Peserta-peserta SPAN sedang membuat perbincangan ketika menghadiri Bengkel Penyediaan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) SPAN di Hotel Bangi Resort



28

28 4 September 2020

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Bin Ujang, Ketua Setiausaha KASA bersama Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN dan pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar membuat tinjauan ke premis yang disyaki menjadi salah satu punca pencemaran air di Sungai Gong, Batu Arang, Rawang, Selangor



29



30



31



31

31 11 September 2020

Antara peserta yang menyertai Kayuhan Hari Malaysia SPAN 2020 di Putrajaya

29 8 September 2020

Peserta-peserta SPAN menghadiri latihan Aplikasi *Mobile Apps System* untuk Pengurusan Aset dan Stor di Hotel Dash Box, Cyberjaya, Selangor

30 10 September 2020

Pegawai SPAN memberi penerangan pada sidang media selepas satu operasi penguatkuasaan berhubung kes kecurian air ke atas sebuah premis hospital rehabilitasi swasta di Petaling Jaya, Selangor



32



33



34



35

32 15 September 2020

Pegawai SPAN menunjukkan satu sambungan bekalan air secara tidak sah ketika operasi penguatkuasaan berhubung kes kecurian air ke atas sebuah premis gudang penyimpanan barang dan pengedar alat ganti kenderaan di Bandar Puncak Alam, Selangor

33 15 September 2020

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN bergambar dengan peserta SPAN sebelum perlawanan persahabatan badminton antara SPAN dan KASA, di Gem In Mall, Cyberjaya

35 25 September 2020

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN dalam sesi perkongsian beliau bersama pekerja di Ibu Pejabat SPAN

34 24 September 2020

Ir. Mohd Jalaludin bin Sulaiman, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Wilayah SPAN meninjau keadaan pili awam yang disediakan oleh SPAN untuk penduduk mengambil bekalan air di Masjid Kampung Batu Balak, Jerantut, Pahang



36



37



38

36 28 September 2020

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN menyampaikan ucapan perasmian pada Sesi Taklimat Pindaan Prosedur Pemeriksaan Ketepatan Amaun Pembayaran KWSMP di Hotel Bangi Resort

37 5 Oktober 2020

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha KASA bersama pegawai penguatkuasaan SPAN meninjau lokasi bahan buangan terlarang yang disyaki sebagai punca pencemaran Sungai Langat dan Sungai Semenyih di kawasan Perindustrian Nilai

38 8 Oktober 2020

Encik Mohd Fazil bin Ismail, Pengarah Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna SPAN pada sesi ruang bicara di Traxx FM



39



40



41

39 19 Oktober 2020

Dato' Hj. Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN telah dikurniakan tauliah Pegawai Memerintah 60 Rejimen Pakar Air RAJD (Askar Wataniah) oleh Panglima Tentera Darat (PTD) Jeneral Tan Sri Datuk Zamrose bin Mohd Zain sempena Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan Sukarela dan Tauliah Kehormat Askar Wataniah (AW) bertempat di Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia

40 25 Oktober 2020

YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air merasmikan Pejabat Wilayah SPAN Cawangan Kelantan

41 4 November 2020

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN bersama Ir. Haji Mohd Yazid bin Ahmad, Pengarah Syarikat Air Negeri Sembilan Berhad meninjau keadaan runtutan tebing Sungai Linggi yang mengakibatkan gangguan kepada operasi Loji Rawatan Air Sungai Linggi



42



43



44



45

42 18 November 2020

Pegawai SPAN menunjukkan kehadiran klorin dalam bekalan air ketika satu operasi penguatkuasaan berhubung kes kecurian air ke atas sebuah tapak pembinaan Projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat di Kampung Olak Lempit, Banting, Selangor

43 26 November 2020

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri KASA dan Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN ketika meninjau perkembangan projek Loji Rawatan Air Langat 2

44 26 November 2020

Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif SPAN bersama pegawai SPAN meninjau lokasi punca pencemaran Sungai Semenyih di Bandar Seri Putra, Bangi, Selangor

45 28 November 2020

YB Dato' Suraya bin Yaacob, Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Sungai Tiang bersama pegawai SPAN ketika merasmikan Program Khidmat Masyarakat SPAN bagi membekalkan sistem paip air kepada penduduk di Kampung Linchan, Pendang, Kedah


46 3 Disember 2020

Encik Mohd Fazil bin Ismail, Pengarah Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna SPAN menunjukkan satu sambungan bekalan air secara tidak sah ketika operasi penguatkuasaan berhubung kes kecurian air ke atas sebuah premis kebun sayur di Rasa, Selangor



47 17 Disember 2020

YB Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, Pengerusi SPAN menyerahkan sumbangan cek bernilai RM2 juta kepada Profesor Madya Dr. Amir Shaharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia sambil disaksikan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri KASA pada Majlis Pelancaran Waqaf Air



49 19 Disember 2020

Peserta SPAN bersama penduduk Kampung Jenderam Hulu bergambar kenangan selepas Program Gotong Royong Sungai Jenderam sempena Projek Denai Sungai Kebangsaan





50



51



52

50 20 Disember 2020

Encik Shahir bin Adnan, Anggota Suruhanjaya SPAN dalam Program Borak Kopitiam di TV3

51 24 Disember 2020

Pegawai SPAN bersama kontraktor memasang pili cekap air di Masjid Kubang Kerian sempena Program Masjid Hijau di Kota Bharu

52 26 Disember 2020

Pegawai SPAN bersama Persatuan Wira Air bergambar kenangan selepas Kempen Hargai Sungai Kita dan Gotong Royong untuk membersihkan Sungai Semungkis, berhampiran Agrotek Garden Resort, Hulu Langat



PENYATA KEWANGAN



- 94 Sijil Ketua Audit Negara
- 97 Kenyataan Anggota Suruhanjaya
- 98 Perakuan Berkanun
- 99 Penyata Kedudukan Kewangan
- 100 Penyata Prestasi Kewangan
- 101 Penyata Perubahan Aset Bersih
- 102 Penyata Aliran Tunai
- 103 Penyata Prestasi Kewangan (Bajet)
- 104 Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakili sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 34.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.

- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil uruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.


Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(NOOR RITA BINTI KASSIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
8 JULAI 2021




Penyata Pengerusi

Dan Salah Seorang Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Kami, **YB Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli** dan **Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Kewangan (Bajet) yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara:



.....
YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
Pengerusi

No. Kad Pengenalan : 570717-03-5679
Tarikh : 8 Julai 2021



.....
DATO' HAJI AHMAD FAIZAL BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Pegawai Eksekutif

No. Kad Pengenalan : 690329-03-5307
Tarikh : 8 Julai 2021

Pengakuan Oleh Pegawai Utama


Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Saya, Dr. Abrari bin Salleh, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan ini mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Kewangan (Bajet) dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)

penama di atas di **W.P. Putrajaya**)


Tarikh : **08 JUL 2021**



DR. ABRARI BIN SALLEH

No. Kad Pengenalan:
690604-01-5299

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH

Suite 49B, Jalan Diplomatik
Diplomatic Enclave, Presint Diplomatik
62050 PUTRAJAYA
Wilayah Persekutuan Putrajaya
No: +6012.350.8527

Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN	4	5,728,431	3,285,982
PINJAMAN KEPADA KAKITANGAN	5	68,527	31,898
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		5,796,958	3,317,880
ASET SEMASA			
Penghutang	6	30,184,448	13,488,186
Pinjaman kepada kakitangan	5	55,802	35,975
Pendahuluan, prabayar dan deposit	7	904,555	888,527
Faedah terakru		823,819	601,300
Lebihan cukai		680,568	1,785,544
Pelaburan jangka pendek	8	78,920,000	99,610,000
Tunai dan kesetaraan tunai	9	231,557,568	1,727,777
JUMLAH ASET SEMASA		343,126,760	118,137,309
JUMLAH ASET		348,923,718	121,455,189
LIABILITI SEMASA			
Pendapatan Tertunda	10	8,509,089	7,961,413
Peruntukan Manfaat Pekerja	11	661,913	299,196
Pemiutang lain	12	6,844,765	4,425,213
JUMLAH LIABILITI SEMASA		16,015,767	12,685,822
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pendapatan Tertunda	10	3,485,089	2,334,914
Peruntukan Manfaat Pekerja	11	4,125	2,316
Geran – Modul Latihan	15	3,434,254	3,349,717
Geran – Program NRW Nasional	16	205,408,175	-
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		212,331,643	5,686,947
JUMLAH LIABILITI		228,347,410	18,372,769
ASET BERSIH		120,576,308	103,082,420
JUMLAH ASET BERSIH		120,576,308	103,082,420

Nota-nota yang disertakan di muka surat 104 hingga 121 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

Penyata Prestasi Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
HASIL			
Hasil Urus Niaga Pertukaran	13	71,912,766	53,503,351
Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran	14	-	-
JUMLAH HASIL		71,912,766	53,503,351
BELANJA			
Geran – Modul Latihan	15	-	-
Geran – Program NRW Nasional	16	-	-
Perbelanjaan kakitangan	17	33,813,839	28,673,382
Perkhidmatan dan bekalan	18	13,253,485	13,548,809
Perbelanjaan lain	19	324,732	174,453
Sumbangan kepada PERWIRA	20	500,000	-
Susutnilai	4	1,637,501	1,806,234
		49,529,557	44,202,878
LEBIHAN BAGI TAHUN SEBELUM CUKAI		22,383,209	9,300,473
TOLAK: CUKAI DAN ZAKAT	21	(4,889,321)	(790,325)
LEBIHAN BAGI TAHUN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT		17,493,888	8,510,148
Dipegang oleh:			
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara		103,082,420	94,572,272
Lebihan Terkumpul Pada 31 Disember		120,576,308	103,082,420

Nota-nota yang disertakan di muka surat 104 hingga 121 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

Penyata Perubahan Aset Bersih

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah Aset Bersih RM
Baki Pada 1 Januari 2019 Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai	94,572,272 8,510,148	94,572,272 8,510,148
Jumlah Hasil Dan Belanja Diiktiraf Bagi Tahun Kewangan	8,510,148	8,510,148
Baki Pada 31 Disember 2019 Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai	103,082,420 17,493,888	103,082,420 17,444,596
Jumlah Hasil Dan Belanja Diiktiraf Bagi Tahun Kewangan	17,493,888	17,444,596
Baki Pada 31 Disember 2020	120,576,308	120,527,016

Nota-nota yang disertakan di muka surat 104 hingga 121 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

	2020 RM	2019 RM
<u>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</u>		
Lebihan bagi tahun sebelum cukai	22,383,209	9,300,473
<u>Pelarasan bagi:</u>		
Pendapatan faedah	(2,863,139)	(3,332,330)
Susutnilai	1,637,501	1,806,234
(Untung)/Rugi daripada pelupusan aset	(16,177)	55,569
Lebihan operasi sebelum perubahan modal kerja	21,141,394	7,829,946
Pelbagai penghutang	(16,768,746)	(3,489,579)
Pemiutang lain	4,974,641	243,845
Terimaan daripada Geran - NRW Nasional	205,000,000	-
Cukai dan zakat dibayar	214,347,289	4,584,212
	(3,784,345)	(2,754,915)
Tunai bersih yang diperolehi dalam aktiviti operasi	210,562,944	1,829,297
<u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</u>		
Pelaburan jangka pendek	20,690,000	(11,570,000)
Pembelian harta, kelengkapan dan peralatan	(4,092,773)	(1,775,289)
Terimaan daripada jualan aset tetap	29,000	-
Terimaan daripada pendapatan faedah	2,640,620	4,380,678
Tunai bersih yang diperolehi/(digunakan) dalam aktiviti pelaburan	19,266,847	(8,964,611)
Lebihan / (Kurangan) bersih tunai dan setara tunai	229,829,791	(7,135,314)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	1,727,777	8,863,091
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	231,557,568	1,727,777
<u>Nota kepada tunai dan setara tunai pada akhir tahun:</u>		
Deposit di bank berlesen – simpanan tetap (kurang 3 bulan)	228,737,948	-
Tunai di tangan dan bank	2,819,620	1,727,777
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	231,557,568	1,727,777

Nota-nota yang disertakan di muka surat 104 hingga 121 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

Penyata Prestasi Kewangan (Bajet)

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

BAJET MENGURUS

	2020			2019		
	Anggaran Asal RM	Sebenar RM	%	Anggaran Asal RM	Sebenar RM	%
Terimaan						
Fi lesen/ permit	79,894,436	56,206,029	70	51,038,442	50,032,119	98
Pendapatan faedah	3,000,000	2,863,139	95	3,000,000	3,332,330	>100
Fi Pengurusan KWSMP	7,000,000	12,735,849	>100	7,000,000	-	-100
Lain-lain hasil	2,400	107,749	>100	2,400	138,902	>100
Jumlah Terimaan	89,896,836	71,912,766	80	61,040,842	53,503,351	88
Bayaran						
Emolumen	33,542,380	33,813,839	101	30,361,422	28,673,382	94
Bekalan Dan Perkhidmatan	25,357,050	14,078,217	56	22,698,506	13,723,262	60
Aset	1,993,348	4,092,773	>100	2,137,537	1,775,289	83
Kenaan Cukai dan Zakat	2,400,000	4,889,321	>100	2,400,000	2,754,915	>100
Jumlah Bayaran	63,292,778	56,874,150	90	57,597,465	46,926,848	81
LEBIHAN BERSIH	26,604,058	15,038,616	57	3,443,377	6,576,503	>100

Nota-nota yang disertakan di muka surat 104 hingga 121 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

1. ASAS PENYEDIAAN

(a) Maklumat Am

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah ditubuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) pada 1 Februari 2007. Anggota Suruhanjaya telah dilantik oleh Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli ("Kementerian"). Suruhanjaya terdiri daripada Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak kurang daripada lapan tetapi tidak lebih daripada sepuluh orang lain.

Objektif penubuhan SPAN di bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) memperuntukkan berkaitan fungsi Suruhanjaya sebagaimana berikut:

- (i) Menasihati Menteri tentang segala perkara berhubung dengan objektif dasar kebangsaan bagi undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedaan dan melaksanakan dan memajukan objektif dasar kebangsaan itu;
- (ii) Melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedaan dan menimbang dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedaan;
- (iii) Memastikan daya pengeluaran industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan dan memantau pengendali mematuhi standard perkhidmatan yang ditetapkan, obligasi berkontrak dan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan;
- (iv) Menambah usaha bersepadu ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri itu dan secara khususnya pengurangan air tidak terhasil melalui program jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang;
- (v) Menasihati Menteri tentang mekanisme yang adil dan cekap bagi menentukan tarif yang adil kepada kedua-dua pengguna dan pemegang lesen dan melaksanakan tarif yang telah ditetapkan melalui mekanisme dan alat yang sesuai;
- (vi) Memastikan matlamat pembangunan Negara berkenaan dengan liputan, pembekalan dan akses kepada perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan tercapai;
- (vii) Memastikan pengekalan kualiti air dan perkhidmatan pembedaan secara jangka panjang melalui pembangunan modal kerja yang berterusan;
- (viii) Merumuskan dan melaksanakan rancangan supaya semua permintaan yang munasabah bagi perkhidmatan pembedaan dipenuhi dan melalui perundingan dengan pihak berkuasa yang berkaitan, menyediakan suatu rancangan kawasan tadahan pembedaan yang merumuskan dasar dan cadangan am berkenaan dengan pembangunan apa-apa sistem pembedaan yang baru dan langkah-langkah bagi membaiki mana-mana sistem pembedaan yang sedia ada;
- (ix) Menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan
- (x) Menasihati Menteri secara amnya mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedaan.

1. ASAS PENYEDIAAN (Sambungan)

(a) Maklumat Am (Sambungan)

Alamat SPAN adalah di Aras Bawah & Aras Satu, Prima Avenue 7, Blok 3510, Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.

Berdasarkan kepada Seksyen 37 Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) 2006 [Akta 654], tahun kewangan SPAN bagi tahun 2020 bermula dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020. Penyata Kewangan SPAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah dibentang dan diluluskan di Mesyuarat Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 8 Julai 2021.

(b) Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan serta mematuhi Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) 2006 (Akta 654). MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan mengukur Aset dan Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

Walau bagaimanapun, Penyata Kewangan ini telah disediakan di bawah konvensyen Kos Sejarah kecuali seperti yang didedahkan di Dasar Perakaunan.

Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan ialah peristiwa yang memuaskan atau sebaliknya, yang berlaku antara tarikh pelaporan dengan tarikh apabila Penyata Kewangan diterbitkan.

(c) Pertimbangan Dan Anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi Aset, Liabiliti, Hasil dan Belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Risiko kredit

SPAN mengamalkan polisi di mana tunai dan kesetaraan tunai disimpan hanya di bank dan institusi kewangan berlesen.

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang disebabkan oleh ketidakupayaan atau kegagalan pihak yang terlibat untuk memenuhi tanggungjawabnya membuat pembayaran semula. Pendedahan kepada risiko kredit adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti urus niaga dan pelaburan.

Risiko kredit dikawal melalui aplikasi terhadap pengesahan kredit, had dan pengawalan prosedur. Ini dilaksanakan melalui rujukan kepada penarafan kredit yang diterbitkan oleh Institusi Kewangan. Sekiranya ketiadaan penarafan kredit, penyemakan kredit dalaman dilakukan untuk risiko kredit yang ketara.

(b) Risiko mudah tunai

Risiko mudah tunai berkait dengan ketidakupayaan untuk memenuhi komitmen kewangan dan tanggungannya apabila sampai masa yang telah ditetapkan. SPAN mempunyai tahap kecairan aset mudah cair yang mencukupi dan menyimpan tunai di institusi kewangan bagi tujuan memenuhi keperluan SPAN dan lain-lain komitmen dan tanggungannya.

(c) Risiko kadar faedah

SPAN terdedah kepada risiko kadar faedah yang berkaitan dengan pelaburan simpanan tetapnya dengan institusi kewangan yang berlesen yang mempunyai kebolehpercayaan kredit. SPAN boleh terdedah kepada kerugian disebabkan oleh struktur kadar faedah yang timbul daripada perubahan kadar faedah.

SPAN mengurus risiko kadar faedahnya dengan meletakkan baki berkenaan di institusi kewangan berlainan serta mengikut terma kematangan dan kadar faedah yang berbeza-beza.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar perakaunan yang berikut diamalkan oleh SPAN:

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan SPAN telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara (JANM) iaitu Piawaian Perakaunan Sektor Awam (MPSAS) mulai tahun 2019. Pada tahun kewangan sebelumnya, Penyata Kewangan Suruhanjaya disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

Penyata kewangan telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah kecuali sepertimana yang dinyatakan sebaliknya dalam polisi perakaunan utama dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

SPAN telah memilih untuk mengguna pakai piawaian perakaunan MPSAS bagi pelaporan penyata kewangan tahun 2019 seperti yang telah diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

- (i) Pemakaian MPSAS yang diguna pakai oleh SPAN adalah seperti berikut:
- MPSAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan
 - MPSAS 2 - Penyata Aliran Tunai
 - MPSAS 3 - Dasar Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
 - MPSAS 9 - Hasil Urus Niaga Pertukaran
 - MPSAS 14 - Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
 - MPSAS 17 - Hartanah, Loji Dan Peralatan
 - MPSAS 23 - Hasil Urus Niaga Pertukaran (Taxes and Transfers)
 - MPSAS 24 - Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan
 - MPSAS 25 - Manfaat Pekerja
 - MPSAS 28 - Instrumen Kewangan: Pembentangan
 - MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
 - MPSAS 30 - Instrumen Kewangan: Pendedahan

(b) Harta, kelengkapan dan peralatan

Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada nilai kos pada awal pembelian. Kos untuk menggantikan bahagian item harta, kelengkapan dan peralatan diiktiraf di dalam nilai dibawa item tersebut jika ianya berkemungkinan memberi manfaat ekonomi di masa depan yang akan mengalir masuk ke dalam SPAN dan kos tersebut boleh diukur dengan yakin. Kos pembiayaan harta, kelengkapan dan peralatan dari masa ke semasa diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila ditanggung.

Had nilai permodalan yang dicadangkan adalah RM2,000 bagi setiap item dan perolehan, tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa. Aset bernilai kurang daripada RM2,000 atau aset bernilai rendah hendaklah dibelanjakan tetapi direkodkan dalam daftar aset untuk tujuan rekod dan kawalan.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(b) Harta, kelengkapan dan peralatan (Sambungan)

Semua harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai. Susutnilai diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna setiap bahagian harta, kelengkapan dan peralatan.

Kadar tahunan susutnilai adalah seperti berikut:

Peralatan pejabat	15%
Sistem aplikasi dan komputer	33.33%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot dan kelengkapan	20%

Jika wujud rosot nilai, jumlah aset akan dinilai semula dan dikurangkan serta merta kepada jumlah yang boleh diperolehi. Keuntungan dan kerugian dari penjualan akan ditentukan secara membandingkan jumlah penerimaan dengan nilai bawaan aset yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

(c) Rosot Nilai Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh penyata kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda rosot nilai. Jikalau wujud tanda demikian, nilai aset dijangka akan dianggarkan. Nilai boleh direalisasi merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai yang diguna, yang diukur berasaskan jangkaan aliran tunai yang didiskaunkan.

Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada penyata prestasi kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperolehi diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktirafkan sebelum ini.

(d) Penghutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran untuk hutang ragu dibuat berdasarkan atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan.

Hutang lapuk dilupuskan di dalam tahun apabila ianya dikenal pasti dan mendapatkan kelulusan Suruhanjaya. Peruntukan khas bagi hutang ragu dibuat berasaskan kepada anggaran kerugian yang mungkin timbul daripada ketidakupayaan mengutip hutang daripada akaun tertentu yang dikenal pasti.

Elaun hutang ragu adalah dikenakan ke atas baki hutang mengikut kadar yang spesifik. Pelupusan ke atas hutang-hutang yang telah ragu adalah perlu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya sebelum dihapuskan.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(e) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan dan baki bank, deposit di bank dan institusi kewangan lain serta pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang 3 bulan dan kurang dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

(f) Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang lebih 3 bulan dan sehingga setahun dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

(g) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat jangka pendek dan jangka panjang

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja-pekerja SPAN. Cuti jangka pendek berbayar terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja yang akan meningkatkan kelayakan pekerja ke atas cuti berbayar hadapan, dan cuti berbayar jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit hanya diiktiraf apabila cuti berlaku. Baki cuti yang dibawa ke tahun hadapan akan lupus sekiranya tidak digunakan sepenuhnya.

Tiada kadar faedah (faedah sifar) dikenakan kepada semua pekerja untuk pinjaman komputer dan pinjaman motosikal dalam tempoh empat (4) dan tiga (3) tahun.

(ii) Pelan sumbangan tetap

Mengikut undang-undang, majikan Malaysia yang berkecualan diwajibkan memberi sumbangan tetap ke atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sumbangan tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa di dalam penyata pendapatan. Tanggungan sumbangan selesai setelah caruman dibayar.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (Sambungan)

(h) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Merujuk kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) iaitu di bawah MPSAS 9, hasil yang diperolehi dikategorikan semada daripada urus niaga bukan pertukaran atau daripada urus niaga pertukaran.

(i) Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap suatu liabiliti telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun dibawa liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

(ii) Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran

